



قلبتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 50

RABU 12 DISEMBER, 1984.

رابو 18 ربيع الاول 1405

PERCUMA

SEMUA PIHAK PERLU MEMELIHARA NEGARA

— titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua pihak perlu mengambil langkah positif dan segera, mengawal dan memelihara negara ini dari anasir-anasir yang bertujuan

menghalang ke arah pencapaian dan penghayatan sempurna Konsep Negara Melayu Islam Beraja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, "Kita di Negara Brunei pada masa ini sentiasa berhadapan dengan masalah antarabangsa yang mem-

babitkan kehidupan negara kita secara fizikal dan moral."

Menurut Baginda, di antara masalah itu ada yang mengandungi anasir-anasir yang tidak sihat yang jika tidak dikawal dan dijaga atau disedari boleh menimbulkan kesan timbal balik yang kurang menyenangkan sama ada di masa ini atau di masa akan datang.

SENTIASA BERWASPADA


"Oleh itu kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran agama kita," titah Baginda di Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Salallahu Alaihi Wassalam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada hari Khamis lepas.

Menyentuh mengenai tema sambutan 'Memelihara Islam Kewajipan Kita' Baginda bertitah ia patut dijadikan ingatan kerana negara ini adalah sebuah negara Islam yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna dan segala peraturan kehidupan berasaskan ajaran-ajaran Islam.

Titah Baginda, langkah-langkah memelihara agama Islam memerlukan pengetahuan dan kepandaian serta kemahiran dan perlu dirancang dengan teliti dan berhati-hati.

"Beta suka mengingatkan bahawa langkah-langkah memelihara agama Islam di negara kita ini sebenarnya telah dijalankan sejak zaman berzaman khasnya atas inisiatif Paduka Ayahanda Beta, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dengan menubuhkan sekolah-sekolah agama rendah dan menengah dan Maktab Perguruan Agama, menghantar penuntut-penuntut belajar agama ke luar negeri serta lain-lain rancangan lagi maka anak-anak Brunei dapat mempelajari agama dengan seluas-luasnya, mengetahui hukum-hukum Islam dengan

Lihat muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada hari Khamis lalu.

ASEAN-EC setuju teruskan kerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berangkat pulang selepas menghadiri Mesyuarat Kelima Menteri-Menteri Hal-Ehwal Luar ASEAN dan EC di Dublin, Ireland.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh kesemua Menteri-Menteri Hal-Ehwal Luar Negara-Negara anggota ASEAN dan Menteri-Menteri Hal-Ehwal Luar sepuluh negara-negara EC. Di mesyuarat ini Menteri-Menteri Hal-Ehwal Luar ASEAN dan EC menekankan tentang perlunya kedua belah pihak meneruskan kerjasama dalam semua hal untuk kepentingan bersama.

Di mesyuarat ini juga Duli Yang Teramat Mulia telah menandatangani Protokol bagi Penambahan Negara Brunei Darussalam ke dalam Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC yang dulunya telah ditandatangani oleh negara-negara anggota

ASEAN dan EC pada 7 Mac 1980. Dengan menandatangani protokol ini, Negara Brunei Darussalam akan dimasukkan ke dalam aktiviti-aktiviti dan projek-projek kerjasama anjuran EC.

Duli Yang Teramat Mulia juga telah menyampaikan satu kertas kerja mengenai dengan perkembangan daya pengeluar manusia (Human Resources Development) di mesyuarat ini. Kertas kerja ini antara lain menyentuh tentang peri mustahaknya perkembangan daya pengeluar manusia dalam usaha negara-negara ASEAN untuk meningkatkan taraf hidup penduduk masing-masing. Kekurangan tenaga manusia yang berkebolehan adalah masih menjadi masalah di negara-negara ASEAN. Di samping memberikan bantuan yang berupa latihan, pihak EC diseru untuk menyebarkan bantuan ini dengan menekankan bidang-bidang sosial dan kebudayaan dalam bantuan kerjasama mereka. Masalah dadah dan cara-cara mengatasinya juga ditimbulkan dalam kertas kerja ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima menghadap Menteri Luar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Won-Kyung Lee.

Menlu Republik Korea diperkenankan menghadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima menghadap Menteri Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Won-Kyung Lee di Istana Nurul Iman pada petang Sabtu lepas.

MANISNYA IMAN

"APAKAH orang yang mendirikan bangunannya di atas dasar takwa dan keredaan Allah, ituakah yang lebih baik, alaukah orang yang mendirikan bangunannya di pinggir jurang yang runtuh, lalu ia jatuh bersama-sama dengannya ke dalam neraka jahanam? Dan Allah tidaklah memberi pimpinan kepada kaum yang zalim — Maka ayat 109 Surah Al-Bara'ah.

Tuan Yang Terutama itu diiringi oleh Duta Besar Republik Korea ke negara ini Tuan Yang Terutama Awang Choi Bae Shik.

Berangkat sama ke Istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufrin Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan

Menteri Kewangan.

Di sebelah malam, Tuan Yang Terutama Menteri Luar Negeri Republik Korea itu dan isteri serta rombongan telah diberikan jamuan makan malam oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Istana Edinburgh.

Sebelum itu, di sebelah pagi Tuan Yang Terutama melakukan kunjungan hormat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini.

Tuan Yang Terutama Awang Won-Kyung Lee dan rombongan pulang pada hari Ahad lalu.



12 DISEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

BERSEDIA BAGI MENINGKATKAN DIRI SENDIRI

BAGI mewujudkan perkhidmatan yang baik dan juga memperbaiki lagi diri sendiri setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan telah diserukan supaya memiliki sikap bersedia mengkritik diri sendiri.

Seruan tersebut dibuat oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali semasa berucap merasmikan seminar sehari bagi pegawai-pegawai dan

kakitangan Jabatan Perjawatan baru-baru ini.

Kita berfahaman mengkritik diri sendiri yang dimaksudkan ialah dengan cara pegawai dan kakitangan sentiasa meneliti cara dan corak mereka melaksanakan tugas jawatan masing-masing. Penilaian tersebut hendaklah dengan pertimbangan yang jujur. Dari sana mereka akan mendapati taraf dan mutu kerja mereka sama ada lemah, kurang cekap atau sebaliknya cergas dan cekap sehingga bertenaga bagi mencapai objektif perkhidmatan dalam jawatan yang mereka pegang. Dalam hal ini yang pentingnya selain pertimbangan yang saksama ialah sikap bersedia memperbaiki mutu perkhidmatan dari semasa kesemasa yang sekaligus juga bererti memperbaiki diri sendiri. Hal yang sedemikian itu berkehendakkan keinsafan dan kesedaran.

Sesungguhnya gerakan bagi menanamkan keinsafan dan kesedaran di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan telah banyak dilakukan. Kursus-kursus, sama ada yang khusus berkaitan dengan satu-satu tugas dalam jawatan-jawatan yang tertentu ataupun kursus-kursus yang bercorak sivik telah dilancarkan oleh Kerajaan dari semasa kesemasa. Suatu masa dahulu sebahagian pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dari semua peringkat perkhidmatan telah diberikan Kursus Sivik yang khusus bertujuan bagi mengesankan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk mewujudkan perkhidmatan yang jujur, amanah dan cekap. Kursus yang berkenaan itu

diaturkan dengan memberikan penekanan kepada unsur-unsur yang dipercayai dapat menggerakkan kesedaran berkhidmat dan meningkatkan mutu perkhidmatan bukan sahaja semata-mata bagi mencapai kepuasan hati sendiri dan hati majikan bahkan yang lebih penting ialah bagi mencapai keredaan Allah. Gagasan-gagasan dalam ajaran agama telah diketengahkan dengan baiknya menerusi kursus tersebut.

Maka kita percaya seruan yang dibuat oleh Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali itu adalah sehubungan dengan usaha Kerajaan bagi terus-menerus menanamkan dan menyuburkan kesedaran meningkatkan mutu perkhidmatan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Kerana itulah beliau menyerukan supaya mereka melengkapkan diri dengan sifat-sifat jujur dan amanah dan menjalankan tugas-tugas dengan cekap bagi memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Sesungguhnya perkhidmatan yang cemerlang yang dilakukan oleh setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah dengan sendirinya bagi faedah semua pihak termasuklah mereka sendiri. Jika orang selalu menuntut perkhidmatan yang baik untuk kepentingan rakyat dan orang ramai maka orang ramai dan rakyat itu sebenarnya ialah juga pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Apabila mereka dapat menjalankan perkhidmatan dengan cekap, jujur lagi amanah maka kesannya serta faedahnya akan sama dirasakan oleh

semua pihak. Tambahan kepada itu mereka juga dapat melaksanakan khidmat bakti bagi kepentingan diri mereka dalam ertikata menyempurnakan amanah dan tanggungjawab jawatan masing-masing yang sekaligus ialah juga menepati kehendak ajaran Allah yang kerananya mereka akan mendapat pahala dan berkat di samping faedah-faedah keduniaan lainnya.

Adalah penting sekali mendasarkan kesedaran memperbaiki perkhidmatan itu kepada ajaran-ajaran agama. Sebab satu-satu matlamat perkhidmatan Kerajaan belumlah dapat dikatakan sempurna dicapai dengan kecakapan semata-mata melainkan perkhidmatan itu sendiri diniatkan juga bagi memperoleh keredaan Allah Taala. Dengan niat yang sedemikian itu seseorang pegawai dan kakitangan Kerajaan dipercayai akan dapat mengawal dirinya dari sebarang pengaruh yang boleh merosakkan perkhidmatannya, dan serentak dengan itu mendorong kemahuan untuk sedia memberikan perkhidmatan dengan penuh dedikasi. Termasuk dalam lingkungan ini ialah unsur-unsur jujur dan amanah atau jua seperti yang diserukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu iaitu menghindarkan diri dari sikap pilih kasih, dari sebarang perkara dan perbuatan rasuah.

Kerana itulah kita percaya seruan beliau itu patut diberi perhatian dengan niat yang baik oleh setiap pegawai dan kakitangan. Niat yang baik itulah jua akan membantu kita dalam sikap kita untuk bersedia mengkritik diri sendiri.

BORANG PERMOHONAN RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA BAGI ORANG-ORANG AWAM DAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG TIDAK BERHAK KEPADA HAK PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam akan mengedarkan borang-borang permohonan Rancangan Perpindahan/Perumahan Negara bagi orang-orang awam dan kakitangan Kerajaan yang tidak berhak kepada hak pinjaman perumahan Kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:—

1.1 Pemohon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam;

1.2 Pemohon mestilah berumur 18 tahun ke atas daripada tarikh borang permohonan ini dikeluarkan dan mempunyai tanggungan;

1.3 Pemohon atau isteri/suami tidak mempunyai tanah yang bergeran atau mempunyai tanah bergeran yang tidak dapat dimajukan mengikut kriteria-kriteria Kerajaan yang tertentu dan tertakluk kepada pengesahan;

1.4 Pemohon mestilah berpendapatan tidak kurang dari \$445.00 sebulan dan tidak melebihi \$3030.00 sebulan.

2.0 Borang-borang permohonan boleh diperolehi melalui Penghulu/Ketua Kampung di Daerah masing-masing pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan bagi tiap-tiap Daerah.

Brunei-Muara dan Temburong 18, Disember, 1984, Tutong 2, Januari, 1985, Belait 16 Januari 1985.

3.0 Borang permohonan ini hanya akan dikeluarkan kepada Ketua Keluarga atau wakil ketua keluarga sahaja.

4.0 Setiap borang permohonan hendaklah diisikan dalam dua salinan dan hendaklah dihantar melalui Penghulu/Ketua Kampung masing-masing tidak lewat 30 hari dari tarikh borang-borang yang diedarkan bagi tiap-tiap Daerah.

5.0 Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengisikan borang-borang permohonan dengan jujur dan ikhlas, jika pemohon-pemohon mendapati mengisikan borang permohonan mereka sebaliknya maka permohonan mereka tidak akan dipertimbangkan.

6.0 Jika ada keraguan bagi mengisikan borang-borang tersebut dipersilakan datang ke Pejabat Kemajuan Perumahan di masa-masa bekerja.

7.0 Borang-borang permohonan Rancangan Perpindahan Perumahan Negara yang baru bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan Bahagian III, IV, dan V yang berhak kepada hak pinjaman perumahan Kerajaan akan dikeluarkan dalam satu masa yang akan ditentukan kelak.

Penuntut Sekolah Arab lawat Pusat Sejarah

BANDAR SERI BEGAWAN.—Seramai 26 orang penuntut-penuntut Tingkatan Enam Bawah Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolikiah, Batu Satu Jalan Tutong, baru-baru ini telah mengadakan lawatan singkat sambil belajar ke Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Rombongan itu yang disertai oleh dua orang guru sekolah itu diketuai oleh Cikgu Ismail bin Taramiah. Mereka telah dialu-alukan oleh Ketua Pengarang Pusat Sejarah, Awang Muhammad bin Abd Latif, bagi pihak Pengetua Pusat Sejarah.

Dalam taklimatnya, Awang Muhammad memberitahu bahawa sejarah ialah catatan masa lampau sama ada perkara-perkara yang dicatatkan itu tentang riwayat hidup, kegiatan persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan siasah yang bertarikh ataupun tidak.

Penulisan sejarah pada zaman moden ini, katanya lebih menitik-beratkan kepada perkara-perkara yang nyata (fact) berbanding dengan penulisan sejarah pada zaman silam, sebagai misal, peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah, pengarangnya tidak ada mencatatkan tarikh-tarikh tertentu tetapi walau bagaimanapun melalui Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah itu kita dapat melihat mengenai dengan sejarah perkembangan dan keagungan Kerajaan Melayu Melaka.

Beliau menambah lagi, perkara tidak membubuh tarikh pada tulisan-tulisan sejarah yang ditulis oleh datuk nenek kita itu disebabkan mereka itu mungkin tidak menitik-beratkan soal tarikh, atau kepada tulisan sejarah yang bagi mereka adalah semata-mata rakaman peristiwa sahaja.

Bagaimanapun katanya, setelah datang pengaruh-pengaruh Barat ke Alam Melayu ini, maka sistem tarikh pada tulisan-tulisan sejarah merupakan satu fakta yang baik lalu kita pun mengambil dan mempraktikkan cara itu.

Seterusnya Awang Muhammad menyatakan dalam sukatan pelajaran sejarah di

sekolah-sekolah seluruh Negara Brunei Darussalam ada dianjurkan pada masa ini mengenai dengan sejarah Brunei tetapi sayangnya tanpa mempunyai sebarang buku teks. Maka dalam hal ini Pusat Sejarah memainkan peranan penting dan insya-Allah pada tahun hadapan pusat ini akan menerbitkan sebuah buku sejarah yang

diberi nama "Tarsilah Sejarah."

Di akhir lawatan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolikiah telah dibawa melawat untuk meninjau secara dekat ke beberapa bahagian pusat tersebut dan seterusnya diberi penerangan ringkas oleh ketua-ketua bahagian.

Kumpulan PUTERA SENI melawat ke Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN.—Rombongan seramai 30 orang ahli-ahli Kumpulan Putera Seni akan mengadakan lawatan ke Daerah Temburong selama tiga hari mulai 14 Disember depan.

Menurut Ketua Kumpulan itu Awang Muslim Haji Mohd Yusof lawatan itu bertujuan mendedahkan kegiatan teater di negara ini di samping merapatkan hubungan silaturahim dan memupuk kerjasama antara kumpulan itu dengan para belia di daerah Temburong.

"Kami juga ingin menambah pengalaman khususnya dalam teater melalui lawatan-lawatan yang diadakan," katanya.

Beliau memberitahu, lawatan itu adalah yang keenam mereka lakukan.

Sebelum ini, mereka pernah membuat pertunjukan di Malam Puisi Merdeka di Pusat Belia, di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di penghujung penggal menjelang percutian sekolah-sekolah itu.

Selain itu kumpulan itu pernah juga mengadakan pertunjukan teater di Institut Pendidikan Sultan Hassanah

Bolikiah dan di Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Malam Pertemuan Penyair.

Awang Muslim menjelaskan, di hari pertama, mereka akan melakukan lawatan ke Persatuan Murut Daerah itu. Esoknya di sebelah pagi mereka akan mempersembahkan sebuah teater kanak-kanak, "Pak Saloi".

Manakala di sebelah malam, kumpulan itu akan bergabung dengan Persatuan Belia Daerah Temburong membuat pelbagai persembahan. Di antaranya ialah sebuah manifestasi 'Brunei Merdeka Darussalam'—rangkai tiga puisi—Gores Garis 79, Tangisan Terjajah dan Warisan, sebuah taridra 'Kampung Ayer'.

"Kemuncak acara kami malam itu ialah teater 'Sangar Madu' karya Bachtiar Saigan, seorang penulis Indonesia dan diarahkan oleh Ak Jamaluddin Pengiran Yusof," jelas Awang Muslim.

Di hari terakhir, mereka akan membuat perkelahan di Perkelahan Karangan.

Ketika ditanya mengenai rancangan di masa depan, beliau memberitahu, "Kami merancang meneruskan persembahan teater bergerak di sekolah-sekolah di setiap

daerah di samping mengadakan lawatan-lawatan keluar negeri."

"Jika ada kesempatan, kami berhasrat menyertai peraduan teater di luar negeri," katanya.

Kumpulan Putera Seni ditubuhkan dalam tahun 1981 tetapi ketika itu belum bergiat cergas. Hanya sekadar melakukan latihan-latihan biasa.

"Peraduan Manifestasi Puisi adalah ujian pertama bagi kumpulan ini bagi mengukur setakat mana kemampuan kami," katanya.

Dalam peraduan ini mereka berjaya merebut Hadiah Pertama sebanyak \$1,000 yang dianjurkan bersama oleh ASTERAWANI dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Manakala dalam Peraduan Drama sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang diadakan dalam bulan November lalu, kumpulan itu berjaya sekali lagi meraih tempat pertama bagi peringkat Daerah Brunei Muara melalui drama 'Bisikan Puri Tuntutan Pancir' karya A. Mahad Brunei.

Menurut Awang Muslim, kumpulan itu mempunyai lebih 100 orang ahli.

SEKITAR LAWATAN MENLU REPUBLIK KOREA



MENTERI Luar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Won-Kyung Lee ketika mengadakan kunjungan hormat ke hadapan majlis D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika bersabda dimajlis makan malam di Istana Edinburgh malam Ahad lalu (atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah sedang mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Menteri Luar Republik Korea, Awang Won-Kyung Lee ke majlis itu (kiri).



TUAN Yang Terutama Menteri Luar Republik Korea, Awang Won-Kyung Lee menyampaikan ucapan balas di majlis itu (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah menyampaikan cenderamata kepada Tuan Yang Terutama Menteri Luar Negeri Republik Korea (kanan).



DI ANTARA yang hadir di majlis itu termasuklah Menteri Pembangunan, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman. Kelihatan beliau sedang menyatakan sesuatu kepada isteri Tuan Yang Terutama Menteri Luar Negeri Republik Korea, Puan Won-Kyung Lee (bawah).



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah sedang menyampaikan cenderamata kepada Puan Won-Kyung Lee.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah mengiringi Tuan Yang Terutama Menteri Luar Republik Korea dan isteri ke pesawat terbang sejurus sebelum pelawat-pelawat Korea itu bertolak meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada hari Ahad.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-255

TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT

21) Dajal Menurunkan Hujan Buatan dan Menggunakan Alat-Alat Modern:

Dari perkara-perkara yang besar yang dihabarkan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ialah hari kiamat tiada bangkit sehingga kita lihat hujan buatan turun dari langit dengan alat-alat yang disediakan kerananya.

Nabi Salallahu Alaihi Wassalam telah mengkhabarkan dalam Hadis-Hadis yang sahih dalam perkara dajal seperti yang tersebut dalam Hadis Sahih dari Hadis sahabat An-Nawwas bin Saman dan lain-lain hendaklah diketahui dajal itu seorang Yahudi dan orang-orang Yahudi menunggu kedatangannya, dan Allah Taala telah memudahkan wujud ke kerajaan Yahudi pada waktu kita ini ialah sebagai permulaan kedatangan dajal dan merasakan alam ini dengan bencana dan fitnah dajal itu, hendaklah diketahui kerajaan Yahudi itu kaya dan ia terjadi daripada orang-orang yang hidup di negeri Eropah yang bertamadun dan kerajaan Yahudi sungguhpun dia baharu tetapi dia sangat-sangat rapat dengan kerajaan yang bertamadun Eropah itu, dan kerajaan Yahudi ada mempunyai rekaan alat-alat yang dapat menutup (memenuhi) segala hajat-hajatnya dan menjadikan dia bersaing dengan kerajaan yang bertamadun pada hari ini. Apabila dajal si buta mata sebelah itu keluar, maka ia akan mendapati segala apa yang dikehendakinya dari alat perkasas rekaan baharu itu, kerana menjalankan kerjanya hendak menyesatkan alam ini dan membuat kufur kepada alam itu dan menipu alam ini

dan bagi menentang dan melawan orang yang menentangnya, ada sedia padanya alat-alat peperangan alat-alat pelayaran, alat transport (pengangkutan) seperti kapal terbang, motokar, dan lain-lain alat, setengah dari alat-alat itu alat mesin menurunkan hujan dari langit, dan alat-alat mengangkat air, dan kereta-kereta mengangkat roti dan mesin membuat roti dan memasak dan lain-lain seperti alat-alat yang ada pada kerajaan dunia sekarang yang disediakan bagi digunakan ketika peperangan, unit-unit askar disediakan dengan segala alat perkasas yang dikehendakinya, sehingga ada kereta-kereta membasuh baju dan membersihkan dalam sedikit masa, dimasukkan baju dalam mesin dalam sedikit masa baju itu keluar bersih dengan berseterika dan berlipat, sebagaimana juga gandum dikisar dan diayak, diuli, dicanai dan dibakar dan keluar roti terus boleh dimakan, inilah yang ada pada dajal itu. Tambahan lagi ada padanya ilmu sihir yang memang telah masyhur ada pada orang-orang Yahudi, bagaimana diketahui oleh orang, supaya cukup segala fitnah dan kejahatan yang dibawanya. Moga-moga Allah pelihara kita sekalian dari fitnahnya itu. Amin.

Semua apa yang kita sebutkan itu telah diisytiharkan oleh Nabi kita Salallahu Alaihi Wassalam dalam banyak Hadis-Hadis sahih.

Adapun alat yang menurunkan hujan dan kereta membekalkan air (menguli) tepong, membuat roti dan lain-lain, banyak Hadis ada menyebutkan,

(Sambungan)

setengah dari Hadis-Hadis itu ialah Hadis sahabat Asma binti Zaid bahawa ia telah mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda di hadapan sahabat-sahabat Baginda :

"Saya memberi ingat kepada kamu hai orang Islam akan bahaya dan fitnah dajal besar itu, saya memberi amaran kepada kamu akan kejahatan dajal besar itu, dan tiap-tiap Nabi yang dibangkitkan, sesungguhnya ia telah mengingatkan bahaya dajal kepada kaumnya, dajal itu akan datang kepada kamu hai umat Islam, dan saya akan ceritakan kepada kamu setengah dari sifat dajal itu, sifat-sifatnya yang tiada pernah Nabi-Nabi yang dahulu menceritakan kepada kaum bangsa mereka, dajal itu buta mata sebelah dan Allah Taala tiada buta sebelah (yakni tiada cacat bahkan ia sempurna), di antara dua mata dajal perkataan (kafir) dibaca akan dia oleh tiap orang yang beriman yang tahu menulis dan yang tiada tahu menulis, kebanyakan orang yang mengikut akannya ialah orang-orang Yahudi, perempuan, dan orang pendalaman (A'arab), mereka melihat langit turunkan hujan, padahal langit tiada turunkan hujan, dan mereka melihat bumi menumbuhkan tanaman, padahal bumi tiada menurunkan sesuatu, dan ia berkata kepada orang-orang pendalaman (A'arab): "Apa yang kamu mahu dari aku, tiadalah aku turunkan hujan mencurah-curah dari langit?"

Orang-orang yang disabdakan Rasulullah itu ialah orang-orang pendalaman dan

penduduk-penduduk tanah pasir, (tanah Arab) kerana orang-orang padang pasir itu tiada mengetahui alat-alat rekaan, oleh yang demikian dajal tiada berbuat perkara-perkara itu di bandar-bandar dan kepada orang-orang yang tahu benda-benda rekaan yang menurunkan hujan buatan, gunung roti, dan sungai air, bukan gunung roti dan sungai air yang sebetulnya hanya semuanya buatan dajal itu, ialah apa yang dibawa bersama-sama dalam lori-lori, trak-trak dan alat-alat yang bergerak, di tanah-tanah pendalaman, dan orang-orang pada masa itu, dalam kelaparan dan berhajat kepada makanan, kerana sebelum keluar dajal itu lima tahun atau tiga tahun menurut suatu riwayat Hadis bahawa langit tiada menurunkan hujan kepada mereka. Dan biasanya orang yang kena lapar itu orang pendalaman dan zahir sabda Rasulullah: Ertinya: "Bahawa orang yang terpengaruh dengan propaganda dajal ialah orang yang lemah akal, dan yang lemah iman itu seperti perempuan-perempuan. Adapun orang-orang Yahudi ialah kaum bangsa dajal itu. Mereka akan mengikutnya, laanahumullah."

Adapun dalil yang kuat menunjukkan pada perkataan kita itu ialah sahih Al-Bukhari dan Muslim dari Hadis sahabat Al-Muzhirah bin Syaibah berkata: "Tiadalah seorang yang lebih bertanya kepada Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, lain dari saya, dan sabda Rasulullah kepada saya erti-nya:

"Apa yang memberi mudarat kepada kamu?"

Saya berkata: "Orang-orang berkata: Bahawa bersama-sama gunung dari roti dan sungai air."

Sabdanya: (yang bererti): "Tahu lebih mudah kepada Allah daripada yang demikian itu."

Ini ertinya bukan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam engkarkan apa yang ada bersama-sama dajal itu, kerana Rasulullah sendiri yang mengkhabarkan itu, sebagaimana dalam Hadis-Hadis lain, hanya Rasulullah engkarkan pada hakikatnya Allah memberi kuasa kepadanya di atas langit sehingga langit taat kepadanya, dan menurunkan hujan betul-betul dan memberi kuasa kepadanya sehingga sungai berjalan bergerak mengikut perintahnya dan hingga gunung betul-betul dari roti berjalan bersama-sama, bahkan semuanya itu ada dengan sebab-sebab biasa dan dengan jalan biasa, sebagaimana Allah beri kepada lain-lain orang. Orang Eropah, Jepun dan China telah mereka benda-benda itu sebelum keluar dajal itu kepada manusia dan dajal mengambil kesempatan menggunakan alat-alat rekaan bagi faedah propaganda, bagi menguatkan propaganda dan menipu orang-orang yang lemah fikiran dan iman dan berbuat sebagai pandangan mukjizat. Dan ia menggunakan ahli-ahli sihir dan ahli propaganda yang membantu dia pada menjalankan jarum-jarum sesat dan menyesatkan, oleh itu berkata Ulama pada menasrahkan Hadis ini, (perkara-perkara itu lebih mudah kepada Allah --- erti Hadis) dengan syarah iaitu Allah tiada jadikan bagi dajal itu sesuatu perkataan



benar, hanya itu suatu khayalan samaran pada pandangan orang sahaja, maka orang melihat ada air bersama-sama padahal bukan ada air, dan mereka melihat gunung roti bertimbun-timbun padahal bukan ada roti sebenarnya.

Takwil atau syarah itu salah, kerana telah tersebut dalam Hadis-Hadis yang lain bahawa dajal besar itu memberi makan dan minum akan orang-orang yang mengikut ajarannya dan percayakan ajarannya, dan bahawa akan menurunkan hujan sehingga orang-orang A'arab (pendalaman) menghidupkan seruanannya, dan dajal itu menghidupkan tanaman itu, dan gemuk binatang orang-orang pendalaman itu, dan memerah susu dari binatang-binatang itu, setelah bumi kering-kontang sebelum masa dajal itu. Maka bagaimana boleh dikatakan semuanya itu khayal, bayangan dan samar-samar sahaja, hanya sebab Ulama itu berkata begitu sebab mereka tiada melihat alat-alat rekaan zaman sekarang, yang boleh menghubungkan pada percayakan Hadis-Hadis yang mengisbatkan benda-benda itu dengan percayakan Hadis yang mengatakan perkara-perkara itu lebih mudah kepada Allah dengan mengadakan rekaan-rekaan pada menyediakan gunung roti dan sungai air itu. Walhamdulillah di atas takwil kita itu lebih betul.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung.....)

Angka tunjuk naik lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Oktober 1984 ialah 145.3 mata dan ini adalah lebih tinggi dari angka tunjuk bulan September 1984 sebanyak 0.9 peratus. Jika dibandingkan pula dengan angka tunjuk bulan yang sama dalam tahun yang terdahulu, iaitu Oktober 1983, angka tunjuk bulan ini adalah juga lebih tinggi sebanyak 4.3.

peratus.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan-kumpulan 'Makanan' (0.1 peratus), dan 'Sewa Kasar bahan Api dan Tenaga' (19.1 peratus). Sementara angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Lihat muka 24

Sekeluarga Iban memeluk Ugama Islam

TUTONG. — Satu Majlis Pengislaman bagi sekeluarga Iban dari Kampung Rambai, Ulu Tutong telah di langungkan pada 2 Disember lepas.

Awang Nawing Anak Aling, 48 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Mohd Haslin bin Abdullah, sementara isterinya, Malaya binti Bangan, berbangsa Dusun, 44 tahun, kini dikenali sebagai Siti Khadizah bte Abdullah.

Sementara itu anak perempuan mereka, Shaliah Anak Nawing, 16 tahun kini dikenali sebagai Muslimah Mohd Haslin, dan anak-anak lelaki mereka, Asrah Anak Nawing 13 tahun, sekarang dikenali sebagai Mohd Asrah Mohd Haslin.

Ikrar pengislaman bagi mereka telah dilafazkan di hadapan Awang Haji Abd Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkem-

banggan Ugama, Dayang Hajjah Salmah Haji Abdul Ghani, Guru Ugama Di Bahagian Dakwah dan Tabligh, Awang Yusof Haji Kamis, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama dan Dayang Saedah Abdullah, Merinyu Ugama, Tutong.

Majlis diserikan dengan zikir marhaban dan ucapan alu-aluan dari wakil tuan rumah, Awang Haji Suhaili bin Abdullah dan ucapan nasihat dari Kadi Daerah Tutong, Awang Mohd Zaimi bin Haji Talip, dan ucapan dari Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd Aziz bin Mohamad.

Cenderamata kepada saudara-saudara baru dari Majlis Ugama Islam Brunei telah disampaikan oleh Awang Haji Ibrahim bin P.O.K. Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Pemangku Pegawai Perkembangan Ugama, Dakwah dan Tabligh. Derma dari pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah Tutong telah disampaikan oleh Pegawai Daerah, Awang Abd Aziz bin Mohamad.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Kassim bin Metali, penghulu dan ketua-ketua kampung serta pegawai kanan Kerajaan.

Sebelum ini, dua majlis pengislaman telah diadakan bagi dua orang gadis China dan Iban. Dayang Yang Nyuk Puan, 24 tahun, memeluk ugama Islam di rumah Awang Haji Lani bin Bangkol di Kampung Sinaut, Tutong. Beliau yang berasal dari No. 75 Jalan Kecil, Mumong di Kuala Belait kini dikenali sebagai Dayang Jonaidah binti Abdullah.

Dalam majlis yang lain seorang gadis Iban berusia 16 tahun, Dara Anak Chapi telah melafazkan ikrar Islamnya di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong. Beliau yang berasal dari Kampung Merangking Hilir Ulu Belait kini memilih nama Islamnya sebagai Masrosliana binti Abdullah.

Kedua-dua gadis tersebut melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Tutong.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12 Disember, 1984 hingga ke hari Selasa 18 Disember, 1984 adalah seperti di bawah ini :—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
12-15	12.20	3.38	3.39	6.15	6.16	7.29	7.30	5.00	4.46	5.01	6.18	6.19
16-18	12.23	3.41	3.42	6.17	6.18	7.32	7.33	6.03	4.49	5.04	6.21	6.22

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

DARI satu masa ke satu masa, Islam tidak pernah terelak daripada diganggu dan diancam, malah kesuciannya pula cuba hendak dikotori. Perkara ini bukanlah satu perkara yang baru, kerana di zaman Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam pun kemaraan Islam cuba-cuba disekat dan dihalangi perkembangannya.

Di Mekah umpamanya; Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam sedaya upaya berusaha mengembangkan syiar Islam di sana selama kira-kira 13 tahun, namun demikian Baginda dan pengikut-pengikut Baginda ditentang dengan hebat oleh orang-orang Quraish Mekah, sehingga Baginda dan pengikut-pengikut Baginda ditentang terus, tidak saja oleh musyrikin Mekah tetapi juga oleh orang-orang Yahudi, walaupun telah dibuat perjanjian awal dengan mereka untuk mewujudkan keharmonian di antara mereka. Selain dari itu Islam juga ditentang oleh golongan-golongan munafik di sana. Pendeknya musuh-musuh Islam bekerja keras

TIDAK ADA YANG LEBIH SEMPURNA DARI AKHLAK RASULULLAH

Islam, terutamanya dalam iktikad dan Iman kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya. Oleh itu mereka mencari jalan supaya umat Islam terlena dengan keseronokan di mana dengan mereka akan terabailah masa mereka untuk mengkaji segala isi kandungan Kitab Suci itu.

Untuk tujuan ini, musuh-musuh Islam telah membuat berbagai cara untuk memerangkap kita umat Islam. Cuma terpelanglah saja pada diri kita untuk

mengabui mata kita umat Islam. Soalnya apakah kita menyedari hakikat ini?

Memang tidak dapat dinafikan, tentu ada di antara kita yang tertarik dengan dakyah-dakyah tersebut. Sebagai contoh dari segi pakaian; sekarang ini beraneka jenis fesyen pakaian telah dicipta, yang mana rata-rata pakaian-pakaian itu bukan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam, iaitu menutup aurat. Dalam soal ini yang diambil kira ialah lawa, menarik dan 'up to date'. Bila ini terjadi, bererti kita telah 'terperangkap' oleh 'perangkap' mereka.


Dari segi makanan pula; ada di antara kita umat Islam hanya mementingkan nyaman, mudah didapat dan mungkin harganya murah tanpa memperhitungkan kebersihan dan kehalalannya. Apakah kita menyedari bahawa melalui makanan juga musuh-musuh Islam berusaha memerangkap kita?

Begitu juga dari segi pengaruh kawan, terutamanya yang bukan Islam. Dalam hal ini kalau tidak pandai membawa diri dan ditambah lagi dengan keimanan yang tidak seberapa, pasti kita akan mudah terpengaruh. Konon harga diri akan jatuh kalau tidak tahu itu dan tidak tahu ini. Malah akan berbangga

kalau berbuat apa-apa yang dibuat oleh orang bukan Islam. Kalau mereka minum minuman memabukkan, kita pun ikut minum, kalau mereka khayal dengan perempuan, kita pun ikut juga, dan malah bermacam-macam lagi yang diikuti-ikut, kononnya ikut peredaran masa dan tidak mahu dikatakan sebagai ketinggalan zaman. Padahal semua itu adalah tipu daya orang-orang bukan Islam yang antikan Islam dengan tujuan untuk mempengaruhi dan menjatuhkan Islam.

Lain halnya dengan pihak Komunis, mereka juga tahu kekukuhan Islam, lantas mencari jalan melemahkannya. Baru-baru ini kita telah mendengar melalui media-media massa bahawa pihak komunis telah pun mengorak langkah dengan menyebarkan fahaman-fahaman mereka dengan cara seakan-akan berakidah untuk Islam dan juga menyebarkan pita-pita video yang menunjukkan bahawa mereka juga sembahyang lima waktu seperti kita umat Islam, tapi sebenarnya mereka itu menjalankan 'jarum-jarum' mereka untuk memesungkan akidah dan kepercayaan kita.

Begitulah di antara taktik-taktik telah digunakan oleh orang-orang yang bukan Islam dan musuh-musuh Islam untuk mengganggu, mengabui mata dan mengotori kesucian Islam. Mereka tidak ingin melihat



kekukuhan Islam, malah mereka berhasrat untuk menghancurkannya.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dalam hal-hal ini, dan mengambil langkah yang positif untuk menentang apa-apa jua bentuk pancaroba.

Dalam hal ini, pertamanya yang kita patut buat ialah dengan menanamkan semangat beragama, dengan sentiasa mengikut perintah-perintah Allah Subhanahu Wataala dan menjauhi

larangan-larangan-Nya. Bila perkara-perkara ini telah tertanam dalam jiwa kita, insya Allah segala percubaan untuk memerangkap kita akan gagal. Kegagalan itu akan bertambah jika sikap demikian dimiliki oleh setiap umat Islam. Dari itu samasama kita bersatu memelihara agama kita dari apa jua bentuk pancaroba yang didatangkan oleh musuh-musuh Islam itu, sesuai dengan tema sambutan Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam pada tahun ini, 'Memelihara Islam Kewajipan Kita.'

“.....orang-orang Islam itu jangan lari dari ugamanya dalam apa cara pun, di mana-mana jua ia hidup dan berada, jangan terpengaruh dengan cara hidup orang lain yang bukan Islam, jangan terburu-buru mengikut, dan yang penting hendaklah berani dan tegas meninggalkan cara-cara yang bukan Islam itu....”

dan bertungkus-lumus mencari jalan supaya Islam ranap dan umatnya pula dapat dikuasai dan dibelenggu.

Sebelum mereka itu berkerja keras untuk meracuni umat Islam, mereka telah pun mengetahui bahawa Kitab Suci Al-Quran adalah sumber kekuatan Islam. Selagi Al-Quran kekal, selama itulah kukuhnya pegangan umat

menyedari hakikat ini dan seterusnya menghindarkannya. Kalau kita lalai dan leka pasti dengan mudah saja jarum-jarum mereka akan bertindak.

Kita lihat saja sekarang ini, ada-ada saja bidang keseronokan dan cara yang mereka buat, semata-mata bertujuan untuk menarik minat dan seterusnya

‘KESERONOKAN’ DAN ‘NYAMAN’ SALURAN MUSUH ISLAM MEMERANGKAP KITA

MARILAH kita bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Tidak ada yang lebih betul dan sempurna dari mengikut akhlak dan per-

jalan hidup Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam. Kerana apa yang dibuat dan dikatakan oleh Baginda itu tidak lain dari Islam, perjalanan yang hak lagi benar bahkan wahyu daripada Allah Subhanahu Wataala

sebagaimana Firman Allah dalam Surah An-Najm ayat 3 yang tafsirnya:

“Dan adalah Baginda Rasulullah itu tidak berkata-kata dengan kemahuannya sendiri melainkan iaitu wahyu yang diwahyukan kepadanya jua.”

Salah satu akhlak dan teladan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang disuruh kita memakai atau mencontohinya ialah sebuah pesanan Baginda yang terkandung dalam hadis ini:

“Sebaik-baik Islam seorang itu ialah meninggalkan apa-apa yang tidak kena-mengena dengan dirinya.”

Adapun maksud jangan mencampuri perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan kita ialah menjauhkan diri dari segala apa jua yang tidak mendatangkan faedah, baik faedah-faedah keduniaan atau yang berkaitan dengan akhirat. Jika ada sikap dan amalan yang sedemikian ini dituruti

oleh seorang Muslim maka bermakna ia memasukkan dirinya ke dalam golongan manusia yang sempurna Islamnya atau lebih tegas lagi wajib ke atas seorang Muslim itu meninggalkan segala perkara yang tidak kena mengena dengan dirinya dalam semua urusan agama. Dan adapun yang menjadi urusan-urusan orang Islam itu ialah mematuhi segala ajaran-ajaran Allah Taala, berbuat taat dan ihsan serta beramal dengan cara-cara hidup Islam yang tidak dicampur-adukkan dengan kebudayaan-kebudayaan manusia yang salah. Ataupun dengan kata lain jangan melibatkan diri ke dalam perkara yang tidak ada gunanya bagi orang-orang Islam.

Dalam Sahih Ibnu Hibban ada sebuah hadis marfu yang bermaksud kira-kira:

“Atas setiap orang Islam yang waras hendaklah membahagikan masanya kepada empat:

1. Masa untuk bermunajat kepada Tuhannya.

2. Masa untuk membuat kiraan atas dirinya.

3. Masa untuk memikirkan segala kejadian yang telah dicipta oleh Allah, dan

4. Masa untuk menyempurnakan keperluan hidupnya seperti makan minum.”

Dan bagi orang-orang yang waras itu juga hendaklah jangan berusaha melainkan kerana tiga perkara pula:

1. Menambahkan amalan untuk akhirat.

2. Mencari rezeki hidup, dan

3. Memilih kelazatan bukan dari yang haram.

Demikianlah betapa halus Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam memberikan teladan dan jalan ke arah mencapai Muslim sejati bagi kita umat Islam. Tidak syak lagi hadis yang menjadi pokok persoalan kita kali ini antaranya adalah menghendaki supaya orang-orang Islam itu jangan lari dari ugamanya dalam apa cara pun, di mana-mana jua ia hidup orang

berada, jangan terpengaruh dengan cara hidup orang lain yang bukan Islam, jangan terburu-buru mengikut, dan yang penting hendaklah berani dan tegas meninggalkan cara-cara yang bukan Islam itu, selama mana cara-cara Islam masih ada walaupun pada akhirnya kelihatan kurang menarik tetapi pada sisi Allah ia tetap unggul dan terpuji. Ingatlah bahawa Allah itu sebagai pemegang rahsia yang maha bijaksana, apa yang kita tidak tahu dan tidak nampak maka sesungguhnya Allah maha melihat dan maha mengetahuinya.

Menuju keredaan Allah

PENUNTUT PERLU FAHAMI KONSEP M.I.B.

SERIA. — Penuntut sebagai penyambung dan pewaris generasi masa akan datang perlu mengetahui, memahami dan seterusnya menginsafi kedudukan negara kita sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Mereka dari peringkat kanak-kanak lagi mestilah dilibatkan untuk sama menyedari akan kepentingan negara, kekal dengan corak dan isinya sebagai Negara Melayu Islam Beraja, selain dari patut measaskan kemanisan dan kelazatan semua unsur yang terkandung dalam ertikata Melayu Islam Beraja itu.

Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin ketika berucap di Majlis Ramah Mesra lawatan penuntut-penuntut Sekolah Melayu Muhammad Alam di Seria menjelaskan:

"Adalah penting disedari bahawa keutamaan selepas pencapaian semula kemerdekaan adalah meningkatkan kesedaran dalam semua peringkat di negara ini

Oleh: Aisah Pioe

untuk bukan sahaja mendukung bahkan menghayati aspirasi yang terkandung dalam ertikata Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik dengan sendi dan asasnya serta objektif yang sudah digariskan menerusi titah Pemasyhuran Kemerdekaan itu."

Keutamaan juga, jelas Yang Dimuliakan Pehin, ialah pada menentukan bahawa segenap lapisan di negara ini akan terus padu, kukuh serta waspada untuk memelihara dan mengekalkan keselamatan dan keamanan dan seterusnya meningkatkan lagi kesejahteraan.

Yang Dimuliakan berkata, Titah Pemasyhuran Kemerdekaan dengan tegas menyebut bahawa mulai 1 Januari, 1984 Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan

Demokratik bersendikan ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan itu, menurutnya adalah suatu yang sangat penting, yang bukan sahaja merupakan harapan bahkan juga pernyataan azam dan tekad bagi mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik.

"Kita juga berazam menegakkan negara itu dengan bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan," tegas Pengarah Penerangan.

Menerusinya juga kita berazam akan sentiasa berusaha memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan dan kebahagiaan rakyat dengan petunjuk serta keredaan Allah, dan memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campurtangan asing.

Rombongan yang mengandungi seramai 70 orang antaranya, seramai 25 orang guru dan kakitangan sekolah itu dalam lawatan ke Jabatan Penerangan Cawangan Seria awal bulan ini telah mendengar taklimat mengenai susunan pemerintahan Negara Brunei Darussalam sebelum dan selepas Merdeka.

Lawatan anjuran Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pagi itu telah diidatului dengan ucapan alu-aluan dari Pegawai Penerangan, Awang Momin bin Ahmad.



YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin berucap dalam majlis ramah mesra dengan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkih semasa penuntut-penuntut tersebut mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan.

Taraf 'Melayu Islam Beraja' tidak akan berubah

Oleh: Johari HAL

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam tidak akan mengubah taraf dan coraknya sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Konsep Negara Melayu Islam Beraja, menurut Yang Dimuliakan Pehin mempunyai unsurnya yang tersendiri iaitu istilah Melayu yang terdapat itu adalah mengikut undang-undang Taraf Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun 1961 yang mengandungi tujuh puak asli yang terdiri dari puak Brunei, Belait, Tutong, Murut, Kedayan, Dusun dan Bisaya di mana konsep inilah yang membawa Negara Brunei Darussalam dikenal sebagai Brunei yang tulen dari segi status politiknya.

Dalam kedudukannya sedemikian itu tambah Yang Dimuliakan Pehin negara ini telah menetapkan dasar politiknya dengan bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan berasaskan keadilan, keamanan dan kebebasan.

Berucap dalam majlis ramah mesra dengan sekumpulan penuntut-penuntut dari Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanah Bolkih Yang Dimuliakan Pehin seterusnya berkata, "Matlamat tersebut adalah bertujuan bagi sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman, kebajikan dan keselamatan serta kebahagiaan bagi rakyat Brunei."

Mengenai dengan objektif negara Brunei di peringkat antarabangsa Yang Dimuliakan Pehin mengimbas kembali saat-saat per-

masyhuran kemerdekaan di peringkat perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa, negara ini adalah atas dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campurtangan dari luar negeri.

Dalam lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada hari Isnin lepas rombongan tersebut telah dialu-alukan dan berkesempatan mendengar taklimat ringkas berkenaan dengan susunan pentadbiran Jabatan Kerajaan oleh beberapa orang Pegawai Penerangan.

Sementara di hari berikutnya rombongan kedua dari sekolah yang sama juga mengadakan lawatan yang serupa ke Jabatan ini. Kumpulan kedua itu mengandungi seramai 24 orang penuntut termasuk tiga darinya guru pengawas.



SEBAHAGIAN dari penuntut Sekolah Menengah Melayu Mohammad Alam, Seria yang hadir di majlis ramah mesra dengan Pengarah Penerangan di Dowan Pejabat Daerah di Seria.

PERKHEMAHAN BOL-KIAH. — Kejayaan kaum wanita di bidang ketenteraan setaraf dengan taraf tinggi yang telah dicapai oleh kaum wanita di negara ini dalam berbagai aspek pembangunan negara.

Dari tinjauan ke sejarah singkat sejak penglibatan wanita di bidang kegiatan yang sebanding dengan kaum lelaki menempatkan kejayaan yang amat menggalakkan dan adalah satu perkembangan yang boleh dibanggakan.

Datin Masni binti Haji Ali selaku Pegawai Menerima Tabik Hormat di Upacara Perbarisan Tamat Latihan rekrut pengambilan keenam Kompeni Askar Wanita berkata, perkhidmatan dalam Angkatan Bersenjata adalah secara tradisi dianggap sebagai penting bagi kaum lelaki.

"Tetapi dalam zaman moden ini, terutama bagi negara kecil yang sedang giat membangun seperti Negara Brunei Darussalam, pertahanan negara memerlukan semua tenaga manusia tanpa

Mempertahankan negara tanggungjawab bersama

mengira lelaki atau perempuan," tegas Datin Masni.

Dan dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, kompeni wanita memainkan

peranan penting dalam bidang-bidang tertentu, sebanding dengan tugas dan peranan kaum lelaki dalam Angkatan Bersenjata.

Kerana itu, menurutnya, amatlah penting bagi askar wanita untuk sentiasa ingat

Lihat muka 7



DATIN Masni binti Haji Ali menyampaikan hadiah kepada rekrut 20231 Norsiah binti Awang Moksini yang telah dipilih sebagai rekrut terbaik dalam Latihan Jasmani (atas) sementara gambar kiri kelihatan Datin Masni memeriksa barisan rekrut yang telah menamatkan latihan pada hari itu.

15 PENGAKAP MENERIMA LENCANA SULTAN

BERAKAS - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mai Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan berkenan menyampaikan Lencana dan Sijil Anugerah Pengakap Sultan kepada 13 dari 15 pengakap Venture di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada pagi Jumaat lalu.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Md Ali bin Haji Md. Daud dan Ketua Pengakap Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain dan seterusnya dijunjung memeriksa perbarisan kekhormatan dan diperkenalkan kepada para pemimpin persekutuan pengakap.

Sebelum penyampaian lencana dan sijil dilakukan, Ketua Pengakap Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain telah menyembahkan ucapan alu-aluan.

Di akhir majlis, sebuah cenderamata dipersembahkan kepada Duli Yang Teramat Mulia oleh Ketua Pengakap Negara.

Para penerima anugerah itu ialah Awangku Sofri Pengiran Haji Mohammad, Awang Omar Haji Mat Noor, Awang Haji Md. Salleh Haji Mat

Daud, Awangku Md Daud Pengiran Haji Md Salleh, Awang Abd Rahman Haji Habibullah, Awang Matali Matusop, Awang Mohammad Sulaiman, Awang Rasni Bakir, Awang Suhaimi Hashim, Awangku Mahadi Pengiran Haji Md Salleh dan Awang Haji Abd Latif Haji Noordin dari pasukan 1024.

Awang Zaini Saman dan Awang Hassan Haji Abd Hamid dari Pasukan 1001 serta Awang Ariffin Haji Sulaiman dari Pasukan 1002.

Manakala Dayang Mardiah Ismail dan Awang Mohammad Sulaiman dari 1024 tidak hadir kerana berada di luar negeri.

PELITA BRUNEI difahamkan mereka adalah kumpulan pertama yang menerima anugerah lencana dan sijil itu.

Awangku Sofri Pengiran Haji Mohammad, 27, salah seorang penerima anugerah 'Pengakap Sultan' men-sifatkan kejayaannya itu sebagai dorongan dan cabaran untuk terus memberikan khidmat kepada

kegiatan pengakap di negara ini.

"Saya bercadang menubuhkan lagi pasukan baru dan memperbanyakkan ahli-ahli," ujarnya.

Beliau bergiat dalam pergerakan pengakap sejak berumur 13 tahun dan sekarang memegang jawatan pemimpin dalam Pasukan 1024.

"Untuk mendapatkan anugerah ini, kami terpaksa bertungkus-lumus selama tiga tahun dan melakukan pelbagai kegiatan seperti menjelajah dalam hutan selama lima hari empat malam, mengikuti kursus kepimpinan dan mempelajari seluk-beluk pertolongan cemas," jelasnya.

Mereka juga perlu memimpin sebuah pasukan selama tiga tahun.

"Saya tentu merasa gembira dan bangga kerana kami adalah kumpulan pertama yang menerima anugerah ini," katanya ketika ditanya perasaan beliau setelah menerima anugerah itu.



AWANG Abd. Rahman ingin terus bergiat dan beri bimbingan



AWANGKU Sofri — Kejayaan satu dorongan.



Seorang lagi penerima anugerah, Awang Abd Rahman Haji Habibullah, 23, menyatakan azam yang sama. Beliau bertekad terus bergiat cergas dalam pergerakan pengakap.

"Saya berazam akan terus memberi bimbingan kepada rakan-rakan pengakap yang lain," ujar beliau yang berkecimpung dalam pergerakan pengakap lebih 10 tahun.

Awang Abd Rahman memberitahu pelbagai rintangan yang mereka hadapi bagi mendapatkan anugerah itu.

"Di antaranya kami terpaksa berjalan sejauh 50 batu dalam hutan di Daerah Tutong dan mempelajari pertolongan cemas lanjutan sama ada dalam perkhidmatan bomba atau menyelamatkan nyawa," jelas beliau.

Beliau kini memegang jawatan Penolong Pemimpin dalam Pasukan 1024 dan pernah menghadiri jambori pengakap di Republik Indonesia dalam tahun 1981 dan di Thailand dalam tahun 1983.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mai Pengiran Muda Jefri Bolkiah diperkenalkan kepada pemimpin-pemimpin pengakap sejourus keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu ke majlis tersebut (atas). Gambar bawah pula Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan sijil dan Lencana Sultan kepada Awang Omar bin Haji Md. Noor.



Semangat berpengakap atasi kemunduran nilai berkeluarga

BERAKAS. — Ketua Pengakap Negara Brunei Darussalam berharap penerima anugerah Pengakap Sultan melalui semangat berpengakap mengatasi kemunduran nilai ciri-ciri berkeluarga dan semangat bersukarela dengan masyarakat.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, di negara-negara yang sedang membangun menunjukkan darjah hidup berkeluarga beransur-ansur menimbulkan sikap antisosial.

"Tetapi kini terbukti bahawa melalui latihan berpengakap para belia akan terhindar dari sikap sedemikian," ujarnya dalam sembah alu-aluan di Majlis Penyampaian Sijil dan Lencana Anugerah 'Pengakap Sultan' kepada 15 Pengakap Venture di Dewan Kuliah Negara Hassanal Bolkiah pada hari Jumaat lalu.

Katanya, anugerah 'Pengakap Sultan' tentu akan



Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja, Selaku Ketua Pengakap Negara ketika berucap di majlis tersebut.

menambah tanggungjawab mereka terhadap Raja, Negara dan Bangsa.

Menurutnya, sebelum ini lencana itu dikenali sebagai 'Queen's Scout' dan diubah apabila negara ini menjadi anggota penuh Biro Pengakap Sedunia pada 10 Julai 1981 mengikut Perlembagaan PPNBD.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak 12 Disember — 13 Disember 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	12.12.1984	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	12.12.1984	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	12.12.1984	Rabu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang	13.12.1984	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah	13.12.1984	Khamis	2.30- 3.30 petang

PERINGATAN :

Untuk makluman mulai 14 Disember, 1984 iaitu sepanjang cuti penggal ketiga persekolahan, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka dihentikan buat sementara. Perkhidmatannya akan dijalankan semula apabila sekolah dibuka.

Dari muka 6

akan peranan mereka dalam masyarakat, terutama pada menumpukan taat setia kepada Raja dan Kerajaan Baginda serta mematuhi undang-undang negara.

Rekrut pengambilan ke-6 Kompeni Askar Wanita telah menjalankan latihan asas ketenteraan selama 13 minggu di Pusat Latihan di sini, yang mengandungi antara lain kehidupan di hutan, penggunaan senjata api,

kesihatan dan pertolongan cemas dan latihan jasmani.

Empat orang rekrut telah terpilih sebagai terbaik. Rekrut terbaik ialah 20214 Rekrut Aisah binti Awang Jakir, Penembak Terbaik disandang oleh 20219 Rekrut Jariah binti Abu Bakar, Kawad terbaik ialah 20229 Rekrut Normah binti Bujang, Latihan Jasmani Terbaik ialah 20231 Rekrut Norsiah binti Awang Maksin, sementara Rekrut Membuat Ke- jayaan ialah 20217 Rekrut

Halimah binti Burut.

Acara perbarisan bermula dengan berjalan perlahan dan cepat dan seterusnya memeriksa perbarisan oleh tetamu kehormat, Datin Masni binti Haji Ali.

Antara yang hadir ialah Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigadier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger, Pegawai-pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan keluarga-keluarga rekrut.

DBP anjur Kelab Membaca

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan aktiviti-aktiviti Kelab Membaca dalam cuti Persekolahan Penggal III yang diadakan dari 17 hingga 22 Disember.

Aktiviti-aktiviti tersebut bermula dari jam 9.00 hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 hingga 4.00 petang bertempat di Perpustakaan Kanak-Kanak di sini.

Rancangan tersebut adalah bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam menggalakkan penggunaan buku-buku cara informal; menghibur dan belajar mengajar diri masing-masing serta mengasuh bakat yang tersedia di samping bergaul dengan kanak-kanak yang mempunyai latar belakang yang berlainan.

Kepada adik-adik yang ingin menyertai kelab tersebut bolehlah mendapatkan borang penyertaan daripada Perpustakaan Kanak-Kanak di sini dan hendaklah dikembalikan kepada pihak Perpustakaan.

Sambutan Maulud di Daerah Tutong

Liputan: Haniza Abdullah
Gambar: Pg Haji Yakub



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Undang-Undang, Awang Haji Abas diperkenalkan kepada salah seorang ketua pasukan yang menyertai perarakan (atas), sejurus sebelum beliau mengemulangi perarakan mengelilingi Pekan Tutong.



UMAT ISLAM DISERU WASPADA DARI PENGARUH YANG MENYESATKAN

TUTONG. — Umat Islam diseru agar sentiasa berjaga-jaga, waspada dan berhati-hati dari terpengaruh oleh fahaman yang boleh menyelewngkan dan menyesatkan.

"Adalah menjadi kewajipan kita semua sebagai umat Islam untuk menjaga dan memelihara kesucian agama yang kita anuti dari fahaman-fahaman pengaruh dan ajaran sesat yang boleh memesung kepercayaan kita," jelas Awang Haji Abas bin Haji Seruddin, Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang dalam Sambutan Maulud Nabi Mohammad Salallahu Alaihi Wassalam di Daerah Tutong.

Seterusnya, tambah beliau kita di negara Brunei Darussalam yang Islam sebagai agama rasminya di mana di atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda yang menyebabkan Islam bertapak kuat dan diberikan tempat utama di negara ini.

Kemudahan-kemudahan untuk kita beramal ibadat, sentiasa disediakan dan diberikan setiap tahun, kerajaan membelanjakan wang yang banyak bagi maksud mengembangkan agama Islam di negara ini, di sinilah kita merasa beruntung jika dibandingkan dengan negara yang bukan Islam di mana masjid-masjid tertumpang-tumpang, sempit, atau terbiar menunggu runtuh dan kemudahan-kemudahan ibadah yang tidak mencukupi," ujar beliau.

Untuk menolong kita memelihara agama Islam beliau menyarankan kita hendaklah mempelajari tentang

ketinggian akhlak Rasulullah dan berusaha menjadikan akhlak Baginda itu sebagai amalan hidup kita sehari-hari. Seterusnya beliau mengingatkan ibu bapa hendaknya mendidik anak-anak mereka dengan ajaran-ajaran agama Islam dan menunjukkan contoh-contoh akhlak yang baik kepada mereka di samping diri mereka sendiri mengamalkan ajaran agama Islam. Ini memandangkan betapa masalah muda-mudi di negara ini yang terlibat dalam perbuatan jenayah semakin menjadi-jadi, dan yang lebih membingungkan lagi ialah di mana segolongan mereka yang terlibat adalah terdiri dari rakyat negara ini yang beragama Islam.

Di samping itu beliau melahirkan rasa sedih di mana penglibatan anak-anak muda dengan penyalahgunaan dadah yang terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah yang akan diharapkan-harapkan untuk menjadi tulang belakang negara kita sebagai penyambung kegemilangan Negara Brunei Darussalam dan isi di dalamnya.

"Alangkah sayangnya tenaga yang begitu diperlukan dalam keadaan negara kita serba-serbi berkurangan dalam sumber-sumber tenaga tempatan yang berkebolehan, berpelajaran, berdedikasi, efisien dan amanah dalam semua aspek pemerintahan dan perjalanan terbangun begitu sahaja kerana pengaruh kawan dan tarikan majalah filem, televisyen dan lain-lain," kata beliau.

Memandangkan betapa seriusnya masalah dadah ini, Kerajaan telah menubuhkan satu badan Jawatankuasa Penyalahgunaan Dadah Negara Brunei Darussalam, antara lain bertujuan

memata-matai dan memikirkan langkah-langkah yang bersesuaian untuk diambili dan pembasmian pencegahan aktiviti-aktiviti yang tidak diingini. Selain dari itu Kerajaan juga telah mengetatkan Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah dengan menyelaraskan dengan undang-undang yang terdapat di rantau sebelah sini. Dan Kerajaan juga tidak teragak-agak menghadapkan mereka yang terlibat ke mahkamah ataupun diambil tindakan lain yang bersesuaian, jelas beliau.

Pembentukan badan nasional dan pengetatan undang-undang menunjukkan betapa azam Kerajaan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah ini, akan tetapi langkah ini, tidak mencapai kejayaan tanpa adanya kerjasamanya daripada seluruh lapisan rakyat dan penduduk terutama sekali ibu bapa, penjaga, guru, kaum keluarga dan sahabat handai, tegas beliau.

Sambutan Maulud daerah ini telah berlangsung di Padang Sekolah Rendah Melayu Muda Hashim di sini pada Khamis lepas.

Aturcara majlis telah dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Awang Alihan bin Ismail.

Terdahulu dari itu ialah ucapan dari Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maulud Awang Abd Aziz bin Mohammad, Pegawai Daerah Tutong. Seterusnya diikuti dengan Syarahan Khas, 'Memelihara Islam Kewajipan Kita' yang disampaikan oleh wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Suhaili bin Haji Mohaddin.

Sebelum perarakan mengelilingi Pekan Tutong

bacaan zikir marhaban beramai-ramai oleh Pegawai-pegawai Masjid, yang diketuai oleh Imam Masjid Hassanah Bolkiah ini diikuti dengan bacaan doa selamat yang disampaikan oleh Imam Haji Abd Wahib bin Haji Othman.

Lebih 7 ribu orang peserta dari 53 buah pasukan yang terdiri dari sekolah-sekolah, persatuan-persatuan kampung-kampung dan jabatan-jabatan Kerajaan telah mengambil bahagian.

Perarakan bermula dan berakhir di Padang Sekolah Rendah Melayu Muda Hashim.



AWANG Haji Abas ketika berucap di perhimpunan tersebut (atas) semantara gambar-gambar bawah kelihatan pasukan-pasukan memulakan perarakan.



Sambutan Maulud di Daerah Temburong

Liputan: Johari Haji Abd Latif
Gambar: Harun Rashid

UMAT ISLAM DISERU LENGKAPKAN DIRI



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan Awang Ahmad bin Dato Paduka Matnoor ketika berucap di perhimpunan tersebut.

TEMBURONG. — Umat Islam diseru melengkapi diri untuk menjadi seorang muslim yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah dengan mengambil perhatian yang berat terhadap suruhan-suruhan dan tegah-tegahan yang terkandung dalam ajaran-ajaran Islam. Dengan demikian umat Islam akan dapat memelihara Islam dan seterusnya menggagalkan segala maksud buruk anasir-anasir jahat yang bertujuan untuk memalingkan akidah kita.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan Awang Ahmad bin Dato Paduka Matnoor menyeru demikian semasa berucap di Majlis Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, di sini pada hari Khamis lepas.

Menurut beliau Umat Islam sejak zaman Baginda Rasulullah lagi hingga ke generasi kita sekarang ini sentiasa menghadapi tentangan dan rintangan daripada anasir-anasir yang berbahaya untuk melihat keruntuhan agama dan perpecahan seluruh umat Islam.

"Pencabulan ke atas kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara Islam serta penggunaan cara halus yang tidak mudah dikesan atau difahami dengan jelas juga digunakan sebagai senjata bagi maksud yang sama."

Maka kita selaku umat Islam tambah Awang Ahmad, seharusnya tidak akan mudah terpengaruh dengan segala macam dakwaan-dakwaan dan seumpamanya yang tidak diketahui hujung pangkalnya dan disangsikan kebenarannya.

Menyentuh tentang tema sambutan Maulud Nabi Salallahu Alaihi Wassalam pada tahun ini menurut beliau memelihara Islam pada hakikatnya meliputi perkara-perkara lahiriah dan rohaniyah, di samping kita berusaha mencari keperluan hidup ini.

Umat Islam ujanjarnya lagi adalah mengajar umatnya untuk hidup beribadah di dunia dan di akhirat. Umat Islam sepatutnya menjadi contoh teladan kepada umat-umat lain di dunia ini, baik di bidang-bidang ekonomi, sosial mahupun dalam segi tindak-tanduk kita. Sesungguhnya pencapaian dan kemajuan



AWANG Ahmad dengan diiringi oleh Pemangku Pegawai Daerah, Awang Othman, sedang diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai perhimpunan dan perarakan.

kita di bidang-bidang seumpama ini akan dapat menolong kita menghapuskan fahaman-fahaman yang menganggap Islam tidak menggagalkan umatnya mencapai dan bergiat di bidang-bidang tersebut.

"Pada saat inilah kita seharusnya dapat menambah dan memperdalam rasa kecintaan kita kepada Baginda Rasulullah, mengenang jasa baik Baginda pada menegakkan syiar Islam serta merista kembali kegigihan perjuangan Baginda demi kesejahteraan seluruh umat manusia. Mudah-mudahan dengan amalan ini, kita akan sentiasa insaf bahawa sudah sewajibnya kita mendukung, memperkuat dan seterusnya memelihara kesucian dan kesempurnaan Umat Islam."

Dengan itu bersempena dengan hari baik dan yang pertama dalam suasana merdeka dan pertama kalinya dalam sejarah diharapkan

akan melahirkan azam dan semangat baru ke arah memperteguhkan pegangan bertakwa kepada Allah dan sentiasa mentaati ajaran-ajaran dan perintah-perintah Rasulullah, seru Awang Ahmad lagi.

Seramai lebih seribu peserta dari 24 buah pasukan telah mengambil bahagian merayakan Mauludin Nabi junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang terdiri dari jabatan-jabatan Kerajaan, sekolah-sekolah, pertubuhan-pertubuhan dan kampung-kampung di daerah tersebut.

Terdahulu dari itu Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit telah menyampaikan ucapan alu-aluan. Ini diikuti oleh ucapan dari wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Umat dengan diselajurkan syarahan khas oleh Awang Haji Mohd. Jali bin Abdul Latif, Pegawai Umat Kanan di Jabatan Hal Ehwal Umat.



AWANG Ahmad dan Pemangku Pegawai Daerah serta lain-lain pegawai kanan Kerajaan serta ahli-ahli jawatankuasa sambutan mendahului perarakan.



PASUKAN-pasukan mula bergerak untuk berarak, mengelilingi Pekan Bangar (atas) gambar bawah pula ialah persembahan zikir marhaban sejurus sebelum perarakan dimulakan.



PASUKAN Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam sambutan tersebut dengan memainkan lagu-lagu sepanjang perarakan (atas). Gambar bawah kelihatan perarakan sedang berjalan.



Sambutan Maulud di Daerah Belait

Liputan: Aisah Piee
Gambar: Ak Bahar PHO



AWANG Haji Mohd. Salleh ketika berucap di perhimpunan Maulud di Daerah Belait.



AWANG Haji Mohd. Salleh diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai perarakan (atas) gambar bawah kelihatan Awang Haji Mohd. Salleh dan lain-lain pegawai kanan Kerajaan mendahului perarakan mengilangi Pekan Belait.



KEJAYAAN YANG SEBENAR TERLETAK DI TANGAN MANUSIA YANG SEMPURNA

KUALA BELAIT. — Kejayaan yang sebenar terletak di tangan manusia yang sempurna, yang tahu akan tanggungjawab terhadap dirinya sendiri, terhadap Allah dan terhadap keluarga serta masyarakat.

Kerana itu perlunya kita memelihara keIslaman di atas dari segala-galanya untuk menghidupkan dorongan

dorongan kehidupan yang dibawa oleh Rasulullah ialah ajaran Islam, supaya setiap orang membentuk dirinya dan mengusahakan pembentukan masyarakat sehingga menjadi manusia yang sempurna.

Keghairahan memelihara Islam memerlukan kita menghidupkan dorongan ugama untuk sentiasa tamak kepada keredaan Allah, dalam mana melaluinya tersimpul segala keinginan untuk bekerja dengan lebih bersemangat, tekun dan gigih.

Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap I di Kementerian Pembangunan berkata, dalam sifat tamak kepada keredaan Allah itu juga tersimpan segala keinginan untuk terus giat membuat sumbangan yang berkebakikan untuk faedah masyarakat dan negara.

Menurutnya, sifat tamak kepada keredaan Allah itu juga modal yang sebenar untuk menjadi orang yang berjaya di bidang ekonomi, pendidikan, perniagaan, perusahaan dan sebagainya.

Berucap sebagai tetamu kehormat Sambutan Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam bagi Daerah Belait Khamis lepas, Awang Haji Mohd Salleh seterusnya menjelaskan bahawa tiada kegemilangan bagi kehidupan yang tidak berlandaskan keIslaman, tetapi yang sudah pasti, rahmat dan nikmat Islam itu ialah dorongan untuk menjadi manusia yang sempurna.

Konsep itu juga, jelasnya akan mengelakkan kita dari sifat acuh tak acuh dalam memajukan kehidupan dan dari sebarang perbuatan yang merugikan.

Dalam perhimpunan yang berlangsung di Padang Kelab Ria di sini, Setiausaha Tetap I di Kementerian Pembangunan menegaskan, Brunei Darussalam sebenarnya tidak lagi berhajat kepada pencarian asas bagi dijadikan sandaran seperti yang dialami oleh negara lain, tetapi ialah mencari bagaimana memastikan agar asas yang terkandung dalam ajaran Rasulullah itu dapat terus menjadi teraju dalam pembangunan masyarakat serta negara.

"Sesungguhnya dasar-dasar pengajaran Rasulullah adalah amat sesuai dengan ciri-ciri kehidupan kita di negara Brunei Darussalam yang ingin terus-menerus menjadi orang yang taat kepada Allah, setia pada Raja dan mencintai perkembangan dan pembangunan yang seimbang," ujar Awang Haji Mohd Salleh.

Dengan hasrat untuk terus mempertingkatkan lagi kemajuan hidup dalam berbagai bidang, kita adalah berkewajipan memelihara asas kepada kemajuan itu, iaitu ajaran Rasulullah yang tersimpul dalam keIslaman kita.

Awang Haji Mohd Salleh menekankan, "Roh dari segala perkembangan dan pembangunan yang berjaya tidaklah hanya terletak kepada ketinggian ilmu pengetahuan dan kemahiran, dan tidak pula semata-mata bergantung kepada kekuatan sumber kekayaan alam, akan tetapi ialah corak manusia yang mengukuhkan perkembangan dan pembangunan itu."

Awang Haji Mohd Salleh beserta dengan pegawai-pegawai Kanan di Jabatan Hal Ehwal Ugama serta pegawai-pegawai Kerajaan telah mendahului barisan perarakan, yang disertai oleh lebih 6000 orang peserta dari 65 buah pasukan dari jabatan-jabatan Kerajaan, sekolah dan maktab-maktab serta persatuan-persatuan kebajikan di daerah tersebut.

Acara sambutan bermula dengan bacaan Al-Koran yang telah disampaikan oleh Awang Haji Hamdi bin Haji Mat Isa, Johan Peraduan Membaca Al-Koran bagi Saudara-saudara baru Daerah Belait tahun ini.

Juga memberikan ucapan alu-aluan ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Ali Hasan bin Pengiran DSLJ Pengiran Haji Abas, yang juga selaku Peggurusi Sambutan. Ucapan khas dari wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei disampaikan oleh Ustaz Awang Haji Mohd Amin bin PDDD Haji Abd Rahim.

Ianya juga diserikan dengan persembahan zikir Marhaban beramai-ramai yang telah diketuai oleh Awang Haji Zainal bin Idris, Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam di Kuala Belait.

Pasukan perarakan melalui Pekan Kuala Belait melalui Jalan Carey, Jalan Nakhoda Ragam, Jalan Bunga Raya, Jalan Sungai, Jalan Dato Shah Bandar dan masuk ke Jalan Sultan hingga berbalik ke Padang Kelab Ria.



BAHAGIAN KURANTINA MENGAWAL KEMASUKAN TUMBUHAN DAN HAIWAN

BAHAGIAN Kurantina Tumbuhan dan Bahagian Kurantina dan Kesihatan Binatang adalah di antara bahagian-bahagian di bawah Cawangan Pengawalan di dalam Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan yang difikirkan sangat mustahak untuk diketahui oleh orang ramai. Bahagian Kurantina Tumbuhan pada masa ini berpejabat di Kampong Anggerek Desa Berakas, manakala Bahagian Kurantina dan Kesihatan Binatang berpusat di Klinik Haiwan berdekatan dengan Lapangan Terbang Lama di Jalan Berakas.

Fungsi utama kedua-dua bahagian ini adalah untuk mengawal tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang ternakan dan peliharaan yang dibawa masuk ke dalam negara ini adalah bebas dari musuh-musuh dan penyakit-penyakit yang tidak dikehendaki dan merbahaya kepada perusahaan pertanian dan kesihatan orang ramai di negara ini. Perkara ini ada disebutkan dalam "Akta Undang-Undang Musuh Tanam-tanaman Merbahaya 1962" dan "Akta Undang-Undang Kurantina dan Pengawalan Penyakit-penyakit Binatang 1959."

Walaupun sebilangan kecil musuh-musuh dan penyakit-penyakit tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang ini boleh merebak melalui angin, tetapi sebilangan besarnya adalah disebabkan oleh manusia, siapa yang membawa tumbuh-tumbuhan dan biji-biji benih atau binatang-binatang ternakan dan peliharaan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Sistem pengangkutan udara dan laut yang lebih cepat dan meluas adalah satu cara yang mudah sebagai pembawa kepada musuh-musuh dan penyakit-penyakit tersebut

merebak dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Kapal terbang dan kapal-kapal laut yang membawa penumpang-penumpang yang banyak dan sebahagian dari penumpang-penumpang itu telah dengan sembunyi-sembunyi membawa bersama-sama mereka tumbuh-tumbuhan dan biji-biji benih yang telah dijangkiti oleh penyakit-penyakit dan belum dibubuh dengan racun pengawal. Dengan cara ini penyakit tumbuh-tumbuhan boleh merebak dengan cepatnya ke dalam negara ini.

Kemasukan binatang-binatang ternakan dan peliharaan tanpa mengikut peraturan-peraturan yang tertentu juga adalah di antara punca kepada merebaknya penyakit-penyakit binatang ternakan dan peliharaan ke dalam negara ini. Umumanya terdapat sebilangan orang yang tidak bertanggungjawab, membawa atau memindah binatang-binatang seperti kerbau, lembu, kambing, anjing, kucing dan sebagainya melalui sempadan dari negara jiran tanpa Surat Kebenaran yang sah yang dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan.

Pada masa ini tanam-tanaman dan juga binatang-binatang ternakan kita adalah bebas dari serangan musuh-musuh dan penyakit yang merbahaya. Tetapi sejak kebelakangan ini, ada tanda-tanda menunjukkan bahawa kemasukan penyakit-penyakit tumbuh-tumbuhan mahupun binatang-binatang ternakan ke dalam negara ini semakin meningkat. Ini adalah disebabkan kurangnya perhatian orang ramai terhadap adanya peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi apabila hendak memasukkan tumbuh-tumbuhan dan juga binatang-binatang ke dalam negara ini. Dengan mematuhi

peraturan-peraturan yang tertentu yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkenaan, kita mungkin akan dapat mengelakkan ancaman dan kesan-kesan yang buruk terhadap perusahaan pertanian di negara ini.

Undang-undang Kurantina Tumbuh-tumbuhan adalah merupakan satu cara yang berkesan untuk mengawal perjalanan keluar masuk tumbuh-tumbuhan dan dengan itu juga akan mengurangkan kemasukan musuh-musuh dan penyakit-penyakit tumbuh-tumbuhan yang merbahaya. Sebahagian daripada undang-undang itu ialah seperti berikut:—

- Surat Kebenaran membawa masuk tumbuh-tumbuhan ke dalam Negara Brunei Darussalam mestilah diperolehi terlebih dahulu dari Bahagian Kurantina Tumbuhan, Jabatan Pertanian sebelum mendatangkan tumbuh-tumbuhan ke negara ini. Surat kebenaran ini hendaklah dikirim atau dibawa sendiri oleh si pemohon ke negara yang akan menghantar tumbuh-tumbuhan tersebut supaya pihak berkuasa di sana akan dapat mematuhi kehendak-kehendak peraturan bagi kemasukan tumbuh-tumbuhan seperti yang dikehendaki di dalam Surat Kebenaran tersebut. Segala tumbuh-tumbuhan yang didatangkan dari luar negeri yang tidak mempunyai Surat Kebenaran Masuk atau tidak mematuhi peraturan seperti yang dikehendaki dalam Surat Kebenaran, akan dimusnahkan tanpa bayaran gantirugi.



SALAH seorang pegawai Bahagian Kurantina Binatang (kanan) sedang memeriksa anak-anak ayam yang didatangkan dari luar negeri.

- Semua tumbuh-tumbuhan yang baru sampai dari luar negeri hendaklah diperiksa oleh Pegawai Kurantina Tumbuhan untuk memastikan kehendak-kehendak peraturan kemasukan tumbuh-tumbuhan dipatuhi.
 - Tiap-tiap tumbuh-tumbuhan didatangkan dari luar negeri yang mempunyai Surat Kebenaran Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian mestilah disertai dengan surat kesihatan tumbuh-tumbuhan dari negeri tempat tumbuh-tumbuhan tersebut dikeluarkan.
 - Tumbuh-tumbuhan tersebut mestilah tidak bertanah.
 - Jika berlaku perkara-perkara yang bertentangan dengan peraturan-peraturan yang disebutkan di atas Jabatan Pertanian tidak akan ragu-ragu memusnahkan tumbuh-tumbuhan tersebut atau dihantar balik ke negeri asalnya dengan perbelanjaan si pemohon.
- Pengawalan Kemasukan Penyakit Binatang Ternakan adalah seperti berikut:—
- Sesiapa yang ingin hendak memasukkan binatang-binatang ternakan dari luar negeri ke negara ini mestilah terlebih dahulu mengisi Borang Permohonan

yang boleh didapati dari Pejabat Klinik Haiwan, Bandar Seri Begawan atau cawangan-cawangannya di Daerah Belait, Tutong dan Temburong. Si pemohon akan diberikan Surat Kebenaran Masuk (Import Permit), bagi tujuan tersebut lebih kurang seminggu selepas tarikh permohonannya. Si pemohon mestilah juga meminta Surat Kesihatan dari negeri tempat binatang ternakan tersebut didatangkan. Jika kedua-dua dokumen berkenaan atau salah satu daripadanya tidak dapat ditunjukkan maka binatang ternakan yang diimport akan ditahan atau dibunuh.

- Bagi sesiapa yang ingin hendak memasukkan binatang peliharaan seperti kucing atau anjing, hendaklah membuat surat permohonan sendiri dan menghantarnya ke Pejabat Klinik Haiwan tanpa mengisikan borang seperti yang tersebut di atas. Syarat-syarat lain adalah sama seperti di atas dan jika gagal berbuat demikian hukumannya adalah sama.
- Jika sesiapa yang berhajat hendak membawa keluar hasil binatang ternakan seperti daging-daging, kulit-kulit, susu, aiskerim dan sebagainya, hendaklah juga memohon dengan menulis surat

kepada Pegawai Haiwan bagi mendapatkan Surat Kebenaran Keluar (Export Permit).

- Untuk membawa keluar binatang ternakan yang hidup sama ada kecil atau besar adalah juga dikehendaki mengisikan borang yang disediakan di pejabat ini selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh binatang ternakan tersebut hendak dibawa atau dieksport keluar negeri. Binatang ternakan tersebut hendaklah dibawa ke Klinik Haiwan untuk diperiksa keadaan kesihatannya sebelum Surat Kesihatan yang sah diberikan kepada pemohon. Perkhidmatan ini akan dikenakan bayaran sebanyak dua ringgit (\$2.00) tiap-tiap seekor, tidak kira binatang ternakan tersebut kecil atau besar.

Dalam mengekalkan status negara kita yang bebas dari musuh-musuh dan penyakit-penyakit yang merbahaya, kerjasama daripada orang ramai adalah sangat-sangat diharapkan dengan mematuhi undang-undang yang tersebut di atas apabila hendak memasukkan tumbuh-tumbuhan dan biji-biji benih atau binatang-binatang ke dalam negara ini. Kelambatan pemeriksaan oleh pihak yang berkenaan juga akan dapat dihindarkan jika dokumen-dokumen yang betul dapat ditunjukkan.



PEJABAT Klinik Haiwan, Jabatan Pertanian dekat persimpangan Jalan Lapangan Terbang Lama dan Jalan Berakas.



PEJABAT Bahagian Kurantina Tumbuhan di Kampong Anggerek Desa, Berakas.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke perhimpunan tersebut telah dialu-alukan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama YDM Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.



KEBAWAH D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga berangkat ke perhimpunan tersebut. Gambar dan bawah kelihatan Duli-Duli Yang Teramat Mulia itu ketika dialu-alukan oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya.



BANDAR SERI BEGAWAN — Umat Islam di seluruh negara merayakan serentak Sambutan Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam di keempat-empat daerah pada hari Khamis lepas.

Di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin lebih 35 ribu umat Islam yang terdiri dari murid-murid sekolah, para bella, kakitangan Kerajaan dan syarikat swasta, persatuan kebajikan sejak awal pagi lagi berkumpul beramai-ramai bagi sama-sama mengumandangkan salawat dan salam sebagai menunjukkan perasaan kasih kepada Rasulullah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke majlis sambutan itu.

Berangkat sama ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Ceteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan ketua-ketua jabatan Kerajaan.

Majlis sambutan bertema "Memelihara Islam Kewajipan Kita" dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Damit bin Haji Kawang yang diikuti dengan syarahan khas oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Sebaik-baik sempurna melafazkan titah, Kel...

Maha Mulia berkenan berangkat bercemer duli dengan ketua-ketua lebih 130 pasukan yang...

Bacaan Marhaban yang menyerikan suasana itu diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin-pehin ta imam-imam diiringi tembakan meriam se...

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mufti Kerajaan Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Se... dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussal... berkenan mengepalai perarakan mengelilingi ib... diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka S... dana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduk... Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolk... kerabat Diraja dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertir...

Peserta-peserta perarakan berarak melalui J... Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Seko... Lama, Jalan Sungai Kianggeh, Jalan MacArthur... masuk semula ke Taman Haji Sir Muda Omar Al...



GAMBAR-gambar atas (dari kiri) Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. ketika menyembahkan ucapan alu-aluan; Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyampaikan Syarahan Khas dan Awang Haji Damit bin Haji Kawang membaca ayat-ayat suci Al-Koran bagi memberkati acara sambutan pada pagi itu.

Gambar kiri pula ialah persembahan zikir marhaban yang dijayakan oleh pegawai-pegawai masjid sejurus sebelum perarakan dimulakan.



LEBIH 35 RIBU SERTAI PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN MAULUD DI IBU NEGARA



GAMBAR paling atas kelihatan orang ramai berhimpun di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin untuk mendengar titah dan Syarahan Khas, sebelum berarak mengelilingi ibu negara. Lain-lain gambar atas, kiri dan kanan kelihatan peserta perarakan ketika berarak sambil membawa cogan-cogan kata.



Liputan: Abd Karim HAB
Gambar: Haji Sharbini
Pg. Abu Bakar PHO

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH


Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Pendaftaran tanah-tanah di Daerah Tutong akan menggunakan Komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Tutong atau Pejabat Penaksir Tanah di Bandar Seri Begawan dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu Pejabat dibuka dengan membawa Kad Pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA	LETAK TANAH
2691	2652	Salmah bte Morni	Keriam.
2696	2657	Awang Omar bin Sunggoh	Telisai.
2698	2659	Kasim bin Omar	Telisai.
2706	2670	Sabli bin Sapawi	Maraburong.
2709	2670	Kamis bin Aji	Batu 20.
2711	2672	M. Yusof bin Tairudun	Bangsingong.
2746	2708	Saidah bte Karim	Kupang.
2760	2722	Abu Bakar bin Haji Panjang	Luagan Timbaran.
2770	2732	Jayah bte Kassim	Sinaut.
2803	2767	Piah bte Omar @ Chin Tan Hua	Kelugos.
2813	2777	Dayang Einah bte Abdullah @ We Siew Keng	Birau.
2819	2783	Ahmad bin Tusin	Kelugos.
2831	2795	Aminah bte Awang Damit	Maraburong.
2833	2797	Othman bin Bidin	Luagan Timbaran.
2839	2803	Mohammad Yusof bin Mohammad Said	Maraburong.
2847	2811	Ahmad bin Md. Daud	Bukit Dedap.
2882	2846	Laisah bte Berudin	Luagan Dudok.
2887	2851	Yahya bin Rahman	Sengkarai.
2904	2868	Dzolkifle bin Suhaime	Tumpuan Ugas.
2907	2872	Benang bin Lee Fock	Ukong.
2917	2882	Ak. Mohammad Ali bin Pg. Zakiah	Penyatang.
2920	2885	Tongkah bin Tatan	Kiudang.
2925	2890	Tong Ting Yong	Kuala Tutong.
2926	2891	Wong Man Sang	Kuala Tutong.
2960	2925	Melinggou bin Pucok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Sidu binte Yusok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Yadai bin Puchok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Narang binte Pusok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Dy. Norleha bte Abdullah	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Rohaine bte Puchok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Maisah bte Puchok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Madit bin Pusok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Norani bte Puchok	S. Benawar Rambai.
2960	2925	Mohd. Dinainah bin Abdullah	S. Benawar Rambai.
2964	2929	Jaayah bte Agan	Pak Bugon.
2964	2929	Rayni bte Agan	Pak Bugon.
2969	2934	Jijah bte Tundak	Sungai Beruang.
2969	2934	Jaludin bin Bakar	Sungai Beruang.
2969	2934	Jainah bte Bakar	Sungai Beruang.
2974	2939	Ong Teck Kuang	Luagan Timbaran.
2976	2941	Nayod bin Kanchang	Sg. Damit, Pemadang.
2987	2954	Mirusin bin Othman	Bintudoh.
3018	2985	Thalatha bin Naim @ Selasa	Bandong.
3020	2987	Haji Zainal bin Yusof	Keriam.
3036	3003	Dy. Besar bte Awg. Chuchu	Kelugos.
3044	3011	Awg. Ahmad bin Awg. Ibrahim	Ikas.
3946	3013	Libah bte Jumat	Bt 20. Kelugos.
3059	3026	Ismail bin Salleh	Bt. 20 Kelugos.
3062	3029	Abdullah bin Hj. Tahir	Tumpuan Ugas.
3063	3030	Abd. Rahman bin Hj. Mohammad Tahir	Tumpuan Ugas.
3076	3043	Nasir bin Hidop	Bt 20. Kelugos.
3089	3056	Piah bte Hj. Mohammad	Bt 20. Kelugos.
3092	3059	Selamat bin Abdullah @ Teo Ming Hua	Ikas.
3093	3060	Ahmad Hussin bin Kato	Bt 20. Kelugos.
3094	3061	Duraman bin Kadir	Sg. Bang Ligi Bukit.
3098	3065	Shahbudin bin Ahmad	Tanjong Maya.
3103	3070	Mohidin bin Bakar	Tapaling.
3105	3072	Dy. Khadijah bte Awg. Ahmad	Maraburong.
3107	3074	Ismail bin Abd. Wahab	Penanjong.
3113	3080	Sa'adi bte Kikil	Lugu.
3113	3080	Bujang bin Kikil	Lugu.
3113	3080	Manan bin Osman	Lugu.
3120	3087	Pungut bte Liman	Pulau Nunok.
3120	3087	Halimah bte Bungsu	Pulau Nunok.
3120	3087	Sinon bte Bungsu	Pulau Nunok.
3120	3087	Langsat bte Bungsu	Pulau Nunok.
3120	3087	Ahad bin Bungsu	Pulau Nunok.
3139	3106	Asar bin Basing	Ikas.
3140	3107	Amzah bin Pinchor	Pengkalan Dalai.
3142	3109	Awang Lamat bin Awang Ali	Suran.
3147	3115	Hong Kok Tin	Pengkalan Mau.
3152	3120	Sibas bin Jainudin	Bukit Panggal.
3155	3123	Sungong bin Likop	Lamunin.
3170	3142	Chua Swee Hoon	Luagan Timbaran.
3170	3142	Chua Pheng Chuan	Luagan Timbaran.
3170	3142	Dy. Hayati bte Othman @ Chua Sui Choo	Luagan Timbaran.
3170	3142	Chua Pheng Kui	Luagan Timbaran.
3170	3142	Chua Pheng Siong	Luagan Timbaran.
3170	3142	Chua Kwang Soon	Luagan Timbaran.

3174	3146	Ng Teck Hock	Kuala Tutong.
3177	3149	Ahmad bin Ismail	Kelugos.
3195	3167	Awg. Md. Yusof bin Awg. Abd. Rahman	Kupang.
3201	3174	Munti bte Yador	Sungai Beruang
3207	3180	Surad bin Hassan	Lamunin.
3209	3182	Manggas bte Wab	Bukit Pang Sukang.
3234	3208	Hjh. Timah bte Hussin	Pak Dungun Bukit.
3262	3237	Mohammad Ali bin Nayan	Sg. Damit Pemadang.
3273	3251	Singong bin Alu	Kelugos.
3292	3270	Timbang bin Jais	Kuala Merimbun.
3303	3285	Haji Abdul Hamid bin Metassan	Tumpuan Ugas Danau.
3327	3295	Amnah bte Haji Zainudin	Suran.
3341	3314	Chong Kim Choo	Kiudang.
3354	3355	Alord bin Aling	Sg. Damit Pemadang.
3358	3362	Awg. Sumping Anak Angkin	Benutan.
3367	3387	Rahmah bte Ukok	Benutan.
3370	3388	Hjh. Salihah bte Ismail	Penapar.
3375	3336	Lee Han Chong @ Lee Han Chang	Luagan Dudok.
3377	3393	Deris bin Adam	Pad Nunok.
3387	3400	Bakar bin Munggol	Pengkalan Dalai.
3390	3401	Haji Hussain bin Ahmad	Pengkalan Dalai.
3400	3349	Awg. Malim bin Sapar	Tasek Merimbun.
3401	3414	Mohd. Salleh bin Abdul Kadir	Luagan Timbaran.
3408	3429	Sea Ah Chun	Petani.
3411	3432	Tong Huah	Petani.
3411	3432	Goh Kah	Petani.
3411	3432	Liang Chew	Petani.
3428	3350	Dyg. Zabaidah bte Lugi	Tasek Merimbun.
3451	3446	Nafiah bte Mat Salleh	Tasek Merimbun.
3466	3530	Pg. Anak Ahmad Daud bin Pg. Anak Besar Abdul Mumin	Maraburong.
3501	3439	Sabli bin Wahid	Suran.
3501	3439	Md. Jair bin Matassan.	Suran.
3501	3439	Abd. Rani bin Metassan	Suran.
3501	3439	Awg. Adi bin Metassan	Suran.
3501	3439	Salamah bte Matassan	Suran.
3501	3439	Hanim bte Matassan	Suran.
3501	3439	Majid bin Said	Suran.
3504	3564	Chang Peng Kui	Petani.
3520	3590	Sulaiman bin Tusin	Bukit Tapangan.
3522	3583	Siti Jarah bte Husain	Kelugos.
3529	3548	Md. Jair bin Jamaluddin	Petani.
3533	3612	Cornelius Sim	Bukit Udal.
3539	3620	Aisah bte Awg. Besar	Luagan Dudok.
3554	3663	Bujang bin Matusin	Kelugos.
3567	3656	Leong Phane	Sengkarai.
3591	3713	Onor bin Ludin	San Nunok.
3593	3621	Pg. Noralam bte Pg. Momin	Maraburong.



GAMBAR atas menunjukkan Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Yakub bin Haji Ahmad menyampaikan sijil kepada Awang Mat Salleh bin Haji Mohd Noor.

Awang Mat Salleh adalah salah seorang Pengawas Letak Kereta yang menamatkan Kursus Asas Penyelia yang diadakan baru-baru ini.

Seramai 17 orang Pengawas Letak Kereta mengikuti kursus selama lima hari yang

dianjurkan oleh Unit Latihan Jabatan Perjawatan itu.

Kursus tersebut dianjurkan untuk memberikan kefahaman kepada pengawas-pengawas letak kereta mengenai tugas dan objektif sebagai seorang Pengawas Letak Kereta.

Majlis penyampaian sijil tersebut diadakan di Bilik Persidangan Rumah Persinggahan Kerajaan di ibu negara.

rtb Intisari minggu ini

Pertandingan Bintang Aslirama 1984

peringkat separuh akhir Ke-4

MINGGU ini merupakan minggu terakhir siri Pertandingan Bintang Aslirama Peringkat Separuh Akhir. Dalam rancangan ini lapan orang peserta lagi akan berada bakat dan di akhir rancangan nanti akan dapat awda ketahu siapa 10 orang peserta yang dapat melayakkan diri untuk bertanding di acara kemuncak menjelang 29 Disember, 1984. Mereka yang bertanding minggu ini ialah:—

Haji Adanan Jais, Siti Mariam Yusuf, Ismail Md Zain, Junaidi Haji Md Salleh, Taha bin Burut, Hidup Haji Abdul Rahman, Morris Lynn dan Pengiran Yahya Pg Haji Chuchu. Ikutilah siri terakhir ini untuk mengetahui siapakah 10 orang peserta yang berjaya memasuki Peringkat Akhir Pertandingan Bintang Aslirama 1984. Siarannya pada hari Sabtu 15 Disember, 1984 jam 9.15 malam.



Haji Adanan Jais



Siti Mariam Yusuf



Ismail Md Zain



Junaidi Haji Md Salleh



Taha bin Burut



Hidup Haji Abdul Rahman



Morris Lynn



Pg Yahya Pg Haji Chuchu

Radio Minggu Ini:

RTB dan Asia Pacific Broadcasting Union

PENGLIBATAN RTB (sebelum ini dikenali dengan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei) di dalam Pertubuhan Penyiaran Rantau Asia-Pasifik memang lama juga. RTB menjadi ahli tidak rasmi di dalam pertubuhan penyiaran tersebut sejak tahun 1960-an lagi, dan sedikit sebanyak telah memberikan sumbangannya kepada pertubuhan penyiaran serantau yang agak besar di Asia-Pasifik ini.

Setiap kali persidangan, seminar dan forum diadakan oleh pertubuhan tersebut, RTB tidak pernah ketinggalan menghantar perwakilan. Pendek kata Pertubuhan Penyiaran Rantau Asia-Pasifik ringkasnya ABU, merupakan semacam satu organisasi penyiaran yang menggabungkan badan-badan penyiaran di seluruh Asia-Pasifik ini, sehingga erat perhubungannya di antara satu sama lain.

ABU juga banyak menganjurkan latihan-latihan di

bidang penyiaran kepada kakitangan dan pegawai-pegawai penyiaran, baik yang ada hubungannya dengan rancangan-rancangan dan kejuruteraan. Latihan-latihan tersebut telah memberikan keuntungan yang agak besar kepada RTB. Di mana secara amali RTB dapat menyumbangkan balik semua pengalaman-pengalaman yang diperolehi dari latihan-latihan dan juga kursus-kursus yang dikendalikan oleh ABU itu.

Dalam bulan Januari, 1984 ini satu kejayaan lagi dicapai oleh Kesatuan Penyiaran Asia-Pasifik, ABU bila mana kesatuan penyiaran itu mengendalikan satu projek terbesar yang pernah diadakan. Projek tersebut merupakan program tukaran berita serantau yang dipanggil ASIA VISION.

ASIA VISION disertai oleh lapan buah negara-negara di Asia yang menjadi anggota ABU. Di antara negara-negara itu Malaysia, Indonesia, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, Iran, China dan juga termasuk Negara Brunei Darussalam sendiri. Projek ASIA VISION dianjurkan oleh ABU berdasarkan rancangan pertukaran berita Eropah atau lebih dikenali dengan nama EURP VISION.

Seperti yang kita ketahui sejauh ini, ASIA VISION telah berjaya menyelurkan berbagai maklumat yang agak seimbang dan bersesuaian dengan aspirasi pembangunan negara kita yang masih muda ini. Sememangnya ASIA VISION ditonjolkan di rantau Asia ini ialah untuk memberikan satu persahabatan dan kerjasama serantau melalui pertukaran bahan-bahan berita yang sesuai dengan citarasa dan kebudayaan ASIA.

Pendedahan gambaran kemerdekaan negara kita di awal bulan Januari, 1984 dan seterusnya sambutan Hari Kebangsaan yang pertama dalam bulan Februari,

1984 juga ke seluruh pelusuk dunia ini merupakan satu kejayaan penyiaran moden hari ini. Tanpa adanya ikatan yang erat di antara RTB dengan ABU dan badan-badan penyiaran antarabangsa yang lain, sudah tentu gambaran yang amat bersejarah yang belum pernah ditempuhi oleh negara kita itu, tidak akan dapat diketahui oleh umat manusia di seluruh dunia.

Setelah hampir setahun negara kita mencapai kemerdekaan, satu lagi kejayaan telah dicapai oleh RTB. Yang mana setelah RTB bertungkus-lumus melibatkan dirinya sebagai anggota tidak rasmi di Kesatuan Penyiaran Rantau Asia-Pasifik berbelas-tahun lamanya, tetapi dalam bulan November, 1984 ini pula Negara Brunei Darussalam dengan rasminya telah diterima sebagai anggota rasmi ABU. Penerimaan keanggotaan RTB dalam persatuan penyiaran itu telah dilangsungkan di Tokyo, Jepun, sewaktu mengadakan sambutan Ulang Tahun Ke-20 Kesatuan Penyiaran Rantau Asia-Pasifik. Semoga RTB akan memberikan sumbangan yang berharga di bidang penyiaran baik rantau Asia mahupun di dunia antarabangsa.

ys/mouuays

Fifteen Minute Theatre: "A Ghastly Performance by Michael Hardwick Light Music From The Netherlands — 633. Children's Half Hour

19th Cambridge Folk Festival: Fureys and Davey Arthur — 12/12. My Music — 330/436.

Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 11/15. Break for music with Malay traditional songs — 50. Just for variety by continuity announcer.

Sandiwara radio:

Biar Pahit Kutelan Jua

WATAK Kasmani yang ditonjolkan oleh penulis, adalah seorang pengusaha bumiputera yang gigih untuk memajukan perusahaannya. Sayangnya, adik iparnya, Rasid yang juga menjadi seorang kakitangan yang penting dalam syarikatnya itu mudah sangat lupa akan tanggungjawabnya untuk terus memajukan syarikat itu.

Kerana tidak mahu perkara itu berlanjutan, Kasmani telah mengambil tindakan tegas menegur secara ikhlas akan kelalaian Rasid itu. Kerana pantang ditegur, Rasid terus mengambil keputusan sendiri meninggalkan syarikat kepunyaan abang iparnya itu.

Masalah yang Kasmani hadapi itu pula bukan hanya di tempat kerja tapi juga dalam rumahtangganya sendiri. Isterinya Ziah yang mengakui pandai menjaga personaliti dirinya sebagai seorang yang mempunyai kegiatan yang banyak di luar rumah sehingga kewajipannya di dalam rumahtangganya terbenakalai.

Sebagai seorang pemimpin dalam pertubuhan wanita, Ziah begitu berbangga dengan fahamannya agar isteri-isteri yang dimadukan akan bekerjasama sesama sendiri

yang mana akan melahirkan perasaan harmoni dalam keluarga. Suaminya Kasmani pula tidak begitu berkeyakinan Ziah akan dapat mempraktikkan seperti apa yang dilaung-laungkannya.

Dengan tidak disangka, sangka satu hari Kasmani terlibat dalam satu kemalangan jalan raya. Ekoran dari kemalangan itu Lina telah dimasukkan ke rumah sakit kerana mendapat cedera ringan. Dari pertemuan itu telah mengubah sikap dan perhatian Kasmani terhadap rumahtangganya. Kesepian yang dirasakannya selama ini seolah-olah telah terubat setelah menemui Lina.

Lina pula adalah seorang yang puas menderita dalam hidupnya. Setelah Kasmani mengetahui akan penderitaan Lina itu, ia semakin berazam pula untuk mengambalnya sebagai isteri kedua.

Apakah reaksi Ziah bila mengetahui rancangan suaminya itu? Apa pula yang menyebabkan Lina menjadi seorang yang menderita? Tunggulah siarannya nanti melalui Sandiwara Radio Minggu Ini yang akan ke udara pada 16 Disember, 1984 jam 11.30 pagi.

Sandiwara tulisan Nordin H.M. ini adalah terbitan Dayang Helen Thu.



MINGGU ini tetamu radio memuatkan temubual Jamilah Abdullah bersama dengan Bambang Trisaptono, pelakon filem Indonesia dan kumpulan penari ular. Silalah mengikuti siarannya pada hari Ahad jam 5.00 petang dan ulangannya hari Khamis jam 2.00 petang. Rancangan terbitan Salmah Haji Abdul Rahman.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan disiarkan oleh Awg Mohd Salleh bin Judin beralamat No. 19A Kampong Pengiran Tajuddin Hitam, Bandar Seri Begawan.

Rancangan ini akan ke udara pada hari Selasa 18 Disember jam 4.00 petang.

11.00	Our Views with chairlady Mordiah Haji Jackia—29/33.	6.32	Quran and ...
11.30	Practical World	6.45	Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
11.45	London This Week	7.30	Local News with Tide Times
NOON		7.35	Brunei's AM (continued)
12.00	A Date With	8.30	Chinese programmes.
P.M.		11.00	Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.
12.45	Review of the Week	NOON	
1.00	Top of The Pops — 1044 (repeat)	12.00	Lunch Break except Fridays and Sundays.
1.30	Weekend Greetings	12.30	News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.45	"Yes Minister" Episode 4: The Writing On The Wall.	2.00	Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
3.15	Just for variety	4.00	Close for morning transmission on Fridays and Sundays
8.00	Our Views—29/33 (repeat).	P.M.	
8.30	BBC Science Magazine	9.15	News.
9.00	Beautiful Music — 41/60.		
9.30	Soundtrack of the Sixties (K842 — 9 side 1A).		

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

HARI RABU 12 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TEETIME AND CLAUDIA
4.45 FRAGGLE ROCK
5.15 DIFF'RENT STROKES (Siri baru)
5.40 SUPERFRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 SUPERFRIENDS — sambungan
6.16 AZAN MAGHRIB
6.26 TEKA TEPAT.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART :
"The Dog Who Knew Too Much"
7.30 AZAN ISYAK
7.34 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 FORUM : Kesenian : Peranannya Dalam Pendidikan
Pengerusi: Haji Hashim Haji
Abdul Hamed
Penal : Awg Haji Mustapha
Haji Ahmad
Mohd Jaafar Haji Rais
Abd Hakim Md Yassin
10.00 THE MISSISSIPPI :
"Wheels Of Justice"
10.50 TAYANGAN GAMBAR :
"Quell And Company"
12.20 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 13 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGAINST THE ODDS
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 AGAINST THE ODDS — sambungan
6.30 SHORT STORY THEATRE :
"The Invisible Boy"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAUMA CENTER :
"Out Control"
7.30 AZAN ISYAK
7.34 TRAUMA CENTER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 ACARA KEMUNCAK SAMBUTAN MAULUD BAGI DAERAH-DAERAH
10.15 DUNIA MINGGU INI
10.45 HAWAII FIVE O
11.35 MAN ABOUT THE HOUSE
"Three Of A Kind"
Chrissy yang tidak mahir bermain poker mengganti tempat Robin yang terpaksa ke hospital. Yang di khawatirkan Chrissy mungkin menggunakan...

PETANG

- 1.25 SPORTS :
Judo — "Further Extension To The Skill Range"
Table Tennis — "Advance Your Game"
1.45 ANIMAL IN ACTION :
"A Helping Hand"
2.30 HE-MAN AND MASTER OF THE UNIVERSE
3.00 KONANNYA : "Dua Beradik"
3.25 CHALLENGE : "One Step Ahead"
3.39 AZAN ASAR
3.42 CHALLENGE — sambungan
4.00 MILLER'S COURT
4.30 AGRICULTURE 2000
4.55 SCIENCE WORKSHOP
5.15 EXPEDITION DANGER
5.45 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.16 AZAN MAGHRIB
6.26 TEKA TEPAT.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AUTOMAN (Siri baru)
Pilot Bgh. 1
7.30 AZAN ISYAK
7.34 AUTOMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.55 LIPUTAN NASIONAL
9.25 MUTIARA
9.55 KNOTS LANDING :
"Reconcilable Differences"
10.45 NEWHART : "No Tigers At The Circus"
Dick inginkan Stratford dijadikan "landmark" bersejarah. Setelah diperiksa jawatankuasa mendapati-nya tidak mempunyai apa-apa keistimewaan. Dick menukar pendapatnya.
11.15 HARDCASTLE AND McCORMICK : "Black Widows"
Mark melibatkan dirinya dan Hakim Hardcastle yang boleh menyudahkan mereka kerana perhubungan dengan seorang wanita cantik yang dikaitkan dengan kematian beberapa orang ketua-ketua samsing.
12.05 LINDA CARTER
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 15 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY :
"The Battle To Save The World"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA :
"The Land That Sank"
Lubang-lubang besar selalu menarik perhatian penyelam dan saintis. Satu daripadanya ialah di bawah gunung Gambier, South Australia yang telah banyak meragut nyawa-nya. Sekumpulan...



AUTOMAN satu siri baru yang menunjukkan salah satu lagi penglibatan alat komputer dalam kehidupan manusia. Di atas kelihatan Robert Lansing (kiri) sebagai Lt. Jack Curtis dan Desi Arnaj Jr. sebagai pakar komputer Walter Nebicher. Rancangan ini bermula pada hari Jumaat bagi menggantikan siri "V"

- 11.30 TAYANGAN GAMBAR AKHIR :
"Someone Watching Me"
1.00 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 16 DISEMBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.05 PINK PANTHER INSPECTOR
3.42 AZAN ASAR
3.46 THE JEFFERSONS
4.05 FANTASY ISLAND
4.50 ECONOMIC MADE EASY
(Ulangan)
5.05 HONDO : "The Rebel Hat"
6.00 BERITA AWAL
6.05 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD : "African Safari — The Big Cat"
Filem kali ini mengeksori corak kehidupan beberapa jenis binatang seperti gajah, zirafah dan zebra yang mengharung dataran Afrika seperti terdapat di negara-negara Kenya dan Tanzania.
6.18 AZAN MAGHRIB
6.28 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON :
"Harm's Way"
7.33 AZAN ISYAK
7.37 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 DARI DEWAN RAYA
9.30 JOURNEY IN JAPAN :

- 5.30 EXPLORE :
"Unknown India"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.18 AZAN MAGHRIB
6.28 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER (Siri baru)
"The Return"
7.33 AZAN ISYAK
7.37 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 MARI MEMASAK :
"Sukiyaki Istimewa"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.45 GIVE US A CLUE
10.15 DOCUMENTARY SPECIAL
11.15 THE JEWEL IN THE CROWN :
"Questions Of Loyalty"
Daphne meninggal dunia setelah melahirkan seorang anak perempuan kacukan. Emak saudaranya ingin men-
ngasuh anak itu.
12.05 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 18 DISEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 LUCKY LUKE
5.00 WORLD OF SURVIVAL :
"A Clash Of Stripes"
5.30 JOHAN AND PEEWIT
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA
6.18 AZAN MAGHRIB
6.28 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY :
"Trauma"
7.33 AZAN ISYAK
7.37 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 AREA SUKAN
9.45 RUMPUN BUDAYA :
"Puak Dusun Daerah Belait"
10.15 THE YELLOW ROSE
11.05 TAYANGAN GAMBAR :
"Mistress Of Paradise"
12.35 SIARAN TAMAT.



Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 12 DESEMBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30—Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00—Dunia Wanita (SU), 2.30—Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30—Bahasa Sekolah-sekolah (SU), 4.00—Hiburan Petang, 4.30—Bangsawan Di Udara, 5.00—Rampai Petang, 5.15—Sudut Pelita (SU), 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.15—Pertandingan Aslirama Peringkat Separuh Akhir '84 Siri ke-3.

HARI KHAMIS 13 DESEMBER

PAGI: 9.00—Sains dan Perusahaan (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

PETANG: 2.00—Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30—Fokus, 3.15—Hiburan Petang, 3.25—Majalah Ugama, 4.00—Drama Dari Novel, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Bacaan Surah Yassin, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 14 DESEMBER

PAGI: 9.00—Majalah Radio (SU), 9.30—Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30—Tafsir Al-Quran (SU), 11.00—Mutia Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00—Pedoman Hidup, 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Lukisan Masyarakat, 2.30—Hiburan Petang, 3.25—Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Hiburan Petang, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—Cerpen Dan Salukan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—Alam Remaja (SU), 9.30—Hiburan Malam.

HARI SABTU 15 DESEMBER

PAGI: 9.00—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—Soalan Di Udara (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00—6.02 Allah Peliherakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30—12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.25 Doa Restu
10.29 Allah Peliherakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam
MENYIARKAN AZAN:
Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

TENGAH HARI: 1.30—Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.
PETANG: 3.15—Hiburan Petang, 3.25—Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00—Mutia Asli (SU), 5.45—Kuliah Ugama.
MALAM: 7.00—Tinjauan (SU), 8.15—Syair Perlembagaan, 8.30—Bangsawan Di Udara (SU), 9.00—Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 16 DESEMBER

PAGI: 9.00—Taman Mekar, 9.30—Hiburan Pagi Minggu, 10.15—Majalah Perdana, 11.00—Sandiwara Radio, 12.00—Tahniah dan Ucapan Selamat.

TENGAH HARI: 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00—Serbanika Hiburan, 2.30—Fokus (SU), 3.15—Majalah Sukan, 3.45—Titian Budaya, 4.00—Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih (SU), 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Seni dan Sastera, 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Suara Perajurit (SU), 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30—Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 17 DESEMBER

PAGI: 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30—Sains Dan Perusahaan, 11.00—Sukma Ria.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30—Lukisan Masyarakat (SU), 3.15—Syair Perlembagaan (SU), 3.30—Alam Remaja, 4.15—Ruang Katani, 5.45—Senandung Senja, 6.00—Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00—Majalah Sukan (SU), 8.15—Lagu-lagu Selingan, 8.30—Kuliah Ugama (SU), 8.45—Hiburan Malam, 9.00—Serbanika Hiburan, 9.30—Kutjukan Lagu.

HARI SELASA 18 DESEMBER

PAGI: 9.00—Suara Perajurit, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30—Permintaan Kaum Wanita, 11.00—Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30—Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30—Varia Peristiwa, 2.45—Gema Silam, 3.15—Seni dan Sastera (SU), 3.25—Sukma Ria (SU), 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Ruang Katani (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.15—Sandiwara Radio (SU), 9.00—Bahasa Sekolah-sekolah, 9.30—Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 35th Cheltenham Festival: The Aeolian String Quartet (Prog 6 side 2 of 2).
9.15 Popular Classics: Descriptive Music (Disc 10 side 2 of 2).
9.30 Talking About Music—292.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixties Minute Theatre: The Snowstorm by Alexander Sergeyevich Pushkin.
9.30 The Pasadena Roof Orchestra.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Fifteen Minute Theatre: "A Ghastly Performance by Michael Hardwick"
11.15 Light Music From The Netherlands—633.
11.30 Children's Half Hour

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: Fureys and Davey Arthur—12/12.
12.45 My Music—330/436.

P.M.

1.15 Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien—11/15.
1.30 Break for music with Malay traditional songs—50.
1.45 Just for variety by continuity announcer.

2.00 Soundtrack of the Sixties (K842—8 side 2B & 3B)
4.00 Chinese programmes.
8.00 The World of Books
8.30 Thirty-Minute Theatre: "Waving To A Train" by Martyn Reed.
9.00 Perspective
9.30 A Date With (repeat)

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Just A Minutes—289/299.
9.00 Richard Clayderman & Orchestra—(RB/H/308/82) side 2)
9.30 Top of The Pops—1044.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views with chairlady Mordiah Haji Jackia—29/33.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

NOON

12.00 A Date With

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops—1044 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 "Yes Minister" Episode 4: The Writing On The Wall.
3.15 Just for variety
8.00 Our Views—29/33 (repeat).
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music—41/60.
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842—9 side 1A).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Those Daring Young Men" by James Follet.
3.45 The Guitar Greats Steve Miller (side 2 of 2).
9.30 Sweet and Stylish by James David and Orchestra—8/12.

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Level 42 side 1.

Daily

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliherakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays


P.M.

9.15 News.

Sukan

Kelolaan:
Manaf Rahman

pelita



600 sertai kejohanan Olahraga Jabatan Kerajaan

KEJOHANAN olahraga terbuka antara jabatan-jabatan Kerajaan kali kedua anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan akan berlangsung selama tiga hari dari 28 Disember hingga 30 Disember depan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Kali pertama kejohanan ini telah diadakan pada bulan Mei, dua tahun lepas.

Selain Jabatan-jabatan Kerajaan seluruh negara, pihak penganjur juga telah menetapkan untuk mengundang empat pasukan mengambil bahagian. Syarikat Minyak Shell Brunei, Penerbangan Diraja Brunei,

Persatuan-persatuan bank dan Pasukan Simpanan Gurkha.

Sebanyak 600 peserta yang mengandungi 450 lelaki dan 150 peserta perempuan akan mengambil bahagian yang akan menjumlahkan 44 buah pasukan.

Seramai 600 peserta tersebut akan bertanding dalam 52 acara trek dan padang yang juga termasuk beberapa acara khas untuk VIP, ketua-ketua jabatan dan timbalan serta penolong ketua jabatan.

Acara khas itu termasuklah lumba jalan kaki 1,600 meter

bagi VIP iaitu Menteri-menteri Kabinet, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian, ketua-ketua jabatan, timbalan serta penolong ketua jabatan.

Di samping itu lumba lari 200 meter dan buang peluru bagi ketua-ketua jabatan dan lompat jauh serta 400 meter bagi timbalan dan penolong ketua jabatan juga akan diadakan.

Adalah difahamkan kejohanan ini antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada atlet-atlet yang berpotensi bagi menampilkan bakat mereka.

Pihak penganjur berharap dengan cara ini sedikit sebanyak akan dapat membantu Persatuan Olahraga Negara Brunei Darussalam dalam mencari olahraga-olahraga berbakat.

Di samping itu akan bertambah eratlah perhubungan antara jabatan-jabatan Kerajaan dan pihak swasta, pegawai-pegawai atas dan bawahan dalam suasana bersukan.

Dalam pada itu Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan memaklumkan kepada pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai di kejohanan ini yang telah dijemput hadir di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 16 Disember, Ahad ini dengan ini diubah kepada 18 Disember, Selasa jam 2.30 petang di tempat yang sama.

TINJU ASEAN:

LIMA PETINJU KITA HARUMKAN NEGARA

KEJOHANAN tinju ASEAN membuahkan hidangan yang manis kepada tinju negara. Satu perak dan empat gangsa berjaya ditawan oleh lima petinju yang mewakili negara di kejohanan tersebut.

Lima petinju tersebut ialah

antaranya yang telah mengharumkan nama negara menjadi juara Piala Borneo November lepas.

Kelima mereka ialah Awang Ismail Ali, Bungsu Haji Piut, Jamie Durani, Bolkiah Othman dan Ismadi Haji Arsad.

Ini adalah kali pertama Brunei Darussalam mengambil bahagian di kejohanan yang ketujuh kali diadakan. Selain negara ini, Thailand, Singapura dan negara tuan rumah mengambil bahagian manakala Indonesia dan Malaysia tidak turut serta.

Awang Ismail Ali yang bertanding dalam acara mid-

dleweight kalah dengan kiraan mata di tangan Raymond Cuico (Filippina), petinju yang memperoleh pingat emas dalam Sukan SEA lepas. Ismail mengutip pingat perak.

Jamie Durani (gangsa) juga kalah dengan kiraan mata di tangan Ernesto Coronel, Filipina dalam welterweight.

Bolkiah Othman, Ismadi Haji Arsad dan Bungsu Haji Piut mengalami kekalahan knock-out.

Bungsu Haji Piut terpaksa berhadapan dengan petinju ulung negara Filipina yang berjaya mengharumkan negaranya dengan memperoleh pingat gangsa di Sukan Olimpik, Los Angeles dalam acara lightweight. Leopoldo Cantancio menumbangkan Bungsu di pusingan kedua.

Sementara Leopoldo Serrentes, Filipina menumbangkan Bolkiah Othman dengan pukulan KO di pusingan pertama dalam light flyweight dan Ismadi Haji Arsad juga mengalami pukulan serupa di pusingan yang sama di tangan Efran Tavano juga dari Filipina dalam acara flyweight.

Efran Tavano juga petinju yang mewakili negaranya di kejohanan Sukan SEA, Singapura.

Purata pengalaman pertama dengan membuahkan satu perak dan empat gangsa cukup membanggakan. Jika ditinjau sememangnya petinju-petinju negara kekurangan serba serbi, dalam suasana negara-negara yang dihadapi telah lebih awal membuat persediaan bagi kejohanan ini.

Filippina sendiri difahamkan telah membuat latihan yang serius selama setahun sejak kembalinya mereka dari menyertai Sukan SEA, Singapura.

Perhatian utama tinju sekarang ialah Pesta Sukan Merdeka pengharapan adalah menunggu kedatangan jurulatih khas yang bakal membimbing petinju-petinju negara meraih kejayaan cemerlang di sukan tersebut nanti.

Pemergian rombongan tinju Brunei Darussalam ke kejohanan tinju ASEAN itu adalah atas kerjasama dan sumbangan Penerbangan Diraja Brunei.

IKLAS juarai tujuh sepasukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan akhir bola sepak tujuh orang sepasukan anjuran Persatuan Kampong Saba — PERKASA telah dilangsungkan di Padang Komplek JKR pada 16 November yang lalu.

Perlawanan yang hanya terbuka kepada penduduk-penduduk Kampong Ayer itu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Bebas (untuk umur tidak terhad), bagi pemain-pemain berumur 20 tahun ke bawah dan 16 tahun ke bawah.

Dalam bahagian bebas, sebanyak 42 buah pasukan mengambil bahagian. Pasukan The Saint dari Kampong Peramu memenangi perlawanan ini setelah mengalahkan Pasukan Youth Star dari Kampong Saba Laut. The Saint menerima Oskar rebutan yang disumbangkan oleh Awang Haji Abd. Latif bin Mohammad.

Pasukan IKLAS Kampong Lurong Sekuna muncul sebagai johan dalam bahagian belia berumur 20 tahun ke bawah setelah mengalahkan pasukan Bentara Kampong Pengiran Tajuddin Hitam. Johan dalam bahagian ini menerima Oskar rebutan sumbangan Awang Sulaiman bin Sani.

Sementara bagi belia berumur 16 tahun ke bawah pula, juga dimenangi oleh pasukan IKLAS Kampong Lurong Sekuna setelah menewaskan pasukan Intan Baiduri dari Kampong Setia. Juara bahagian ini telah menerima sebuah oskar rebutan sumbangan dari Awang Haji Juraini bin Haji Bakar.

Perlawanan kali keempat itu dianjurkan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-38 tahun.



AWANG Ismail Ali, diberi ucapan tahniah sejourus mengutip pingat perak setelah tewas kepada Raymond Cuico pemenang pingat emas Sukan SEA, tahun lepas (Gambar ihsan Persatuan Tinju Brunei Darussalam).



BRUNEI Darussalam mengutip pingat gangsa dalam acara welterweight melalui Jamie Durani (kelihatan menerima hadiah), setelah ditewaskan dengan kiraan mata oleh Ernesto Coronel (Gambar ihsan Persatuan Tinju Brunei Darussalam).

PERSATUAN-PERSATUAN BELIA AKTIF BERSUKAN

KEGIATAN bersukan sekarang semakin menjadi di kalangan persatuan-persatuan belia, kerajaan, swasta ataupun kebajikan seringkali melalui beberapa perlawanan sukan yang diadakan semuanya bertujuan untuk menggalakkan melibatkan diri dalam bersukan.

Berbagai jenis acara sukan dipertandingkan dan sejak akhir-akhir ini persatuan-persatuan belia menampilkan diri dengan lebih aktif lagi menuju matlamat ini.

Pada bulan Disember depan, Persatuan Belia Sumbiling pula akan menganjurkan perlumbaan marathon

terbuka sejauh 17 batu bagi peserta lelaki dan 12 batu bagi perempuan.

Perlumbaan ini akan dibahagikan kepada lima bahagian. Lelaki terbuka, 15 tahun ke atas, lelaki veteran, 35 tahun ke atas, wanita, 14 tahun ke atas dan berpasukan, lima sepasukan bagi lelaki dan wanita.

Marathon kali ini akan berlangsung pada hari Ahad, 30 Disember depan.

Adalah difahamkan para peserta lelaki akan memulakan perlumbaan dari Pekan Muara dan wanita dari simpang jalan Pangkalan Sibabau dan akan berakhir di Pusat Belia.

Kepada mereka yang berminat bolehlah mendapatkan borang serta bayaran masuk \$1.00 bagi perseorangan dan berpasukan sebanyak \$3.00.

Borang masuk boleh didapati dari Awang Osman Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Mohamad Tamin di Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Arpan Shabbuddin Hj. Abd. Latif di Jabatan Penerangan dan Awang Haji Mohd. Rafee Hj. Mohd. Yusof, No. 1473, Kg. Sungai Lampai.

Tarikh penutup bagi menghantar borang ialah pada hari Sabtu, 15 Disember depan.

SATERIA GAGAH HARAPAN NEGARA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



MASUKILAH KERJAYA TENTERA

PENGAMBILAN YANG KE-65 SEDANG DIJALANKAN, MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI, UMUR AWANG ANTARA 17½-25 TAHUN, JIKA AWANG-AWANG BERMINAT DALAM KERJAYA TENTERA, HANTARLAH BORANG INI KEPADA :

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NAMA

NO. KAD PENGENALAN..... WARNA.....

TARIKH LAHIR..... UMUR.....

ALAMAT

KELULUSAN

NO. TELEFON JIKA ADA

TANDATANGAN..... TARIKH.....

TANGGAGAJI PERINGKAT RENDAH ABDB DAN ELAUN-ELAUN YANG LAIN.

'B' TRADE

Rekrut	\$ 580.00	+	\$ 213.00	=	\$ 793.00
Soldadu	\$ 625.00	+	\$ 213.00	=	\$ 838.00
Lance Kopral	\$ 655.00	+	\$ 213.00	=	\$ 868.00
Kopral	\$ 765.00	+	\$ 213.00	=	\$ 978.00
Sarjan	\$ 1,045.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,258.00
Staff Sarjan	\$ 1,190.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,403.00
Pegawai Warrant II	\$ 1,340.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,553.00
Pegawai Warrant I	\$ 1,555.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,768.00

'A' TRADE

Soldadu	\$ 650.00	+	\$ 213.00	=	\$ 863.00
Lance Kopral	\$ 670.00	+	\$ 213.00	=	\$ 883.00
Kopral	\$ 785.00	+	\$ 213.00	=	\$ 998.00
Sarjan	\$ 1,085.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,298.00
Staff Sarjan	\$ 1,215.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,428.00
Pegawai Warrant II	\$ 1,375.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,588.00
Pegawai Warrant I	\$ 1,595.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,808.00

'X' TRADE

Soldadu	\$ 720.00	+	\$ 213.00	=	\$ 933.00
Lance Kopral	\$ 745.00	+	\$ 213.00	=	\$ 958.00
Kopral	\$ 930.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,143.00
Sarjan	\$ 1,420.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,633.00
Staff Sarjan	\$ 1,565.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,778.00
Pegawai Warrant II	\$ 1,715.00	+	\$ 213.00	=	\$ 1,928.00
Pegawai Warrant I	\$ 1,955.00	+	\$ 213.00	=	\$ 2,168.00

Elaun-elaun yang lain ialah :

1. Tambang Cuti Tahunan
2. Pelajaran Anak-Anak
3. Seberang Laut
4. Kursus
5. Pakaian
6. Kenderaan
7. Gangguan
8. Tinggal di luar dan Tanggungan
9. Tambang tiap-tiap 3 tahun.



KERJAYA POLIS

**BELIA-BELIA YANG
BERKELAYAKAN
AMBILLAH LANGKAH
KE HADAPAN
UNTUK BERKHIDMAT
DEMI
KESEJAHTERAAN NEGARA**



▲ **PASUKAN
PERONDA
KESELAMATAN
JALAN RAYA**

▶ **CAWANGAN
PASUKAN
SIMPANAN**



▲ **PASUKAN PANJI-PANJI**



▲ **CAWANGAN
POLIS LAUT**

▶ **CAWANGAN
TEKNIKAL
SEMBOYAN**

▼ **PANCARAGAM
POLIS**



**BORANG-BORANG PERMOHONAN BOLEH
DIPEROLEHI DARI MANA-MANA JUA
BALAI POLIS YANG BERDEKATAN
ATAU**

**BERHUBUNG TERUS DENGAN
PEGAWAI PENGAMBILAN
DI IBU PEJABAT POLIS, GADONG
Tel: 23901 Sambungan 228, 229.**

TANGGAGAJI

REKRUT

\$580 + \$186 (elaun catuan)

MATA-MATA KELAS II

\$625 hingga \$695 + \$100 (P. elaun)

MATA-MATA KELAS I

\$650 hingga \$785 + \$100 (P. elaun)

KOPERAL

\$730 hingga \$985 + \$100 (P. elaun)

SARJAN

\$950 hingga \$1080 + \$100 (P. elaun)



JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

1. TUKANG KAYU

Sukatan Gaji: E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon hendaklah berumur di antara 18 hingga 45 tahun;
- Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun;
- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang boleh membaca dan menyedikan pelan-pelan dan taksiran.

2. TRADESMAN TINGKAT II:

Sukatan Gaji: E. 3 EB. 4 — \$660-\$885 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

I. Bahagian Peti Sejuk dan Penyaman Udara

- Berumur di antara 20 dan 50 tahun.
- Mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam penyelenggaraan dan memperbaiki alat perkakas peti sejuk dan atau penyaman udara.
- Mempunyai Sijil City dan Guilds yang sesuai atau kelayakan yang sebanding dengannya adalah merupakan satu kelebihan.

II. Bahagian Tukang Cat dan Tukang Tulis

- Berumur di antara 20 dan 50 tahun.
- Mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun sebagai Tukang Cat dan khususnya sebagai Tukang Tulis Cogan Kata.
- Calon-calon hendaklah menunjukkan contoh-contoh hasil kerja mereka yang tulen dari sesuatu tempat belajar atau tempat bekerja.
- Mempunyai Sijil City dan Guilds yang sesuai atau kelayakan yang sebanding dengannya adalah merupakan satu kelebihan.

3. MEKANIK (KENDERAAN)

Sukatan Gaji: E. 3 EB. 4 — \$660-875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 18 hingga 45 tahun, dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja sebagai Mekanik kenderaan bermotor. Mestilah mempunyai lesen memandu yang sah.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 7 Januari, 1985.

Bilangan iklan: E/246/1984.

E/54/79

Sebagai Posmen

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai POSMEN di Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: F.2-3-4-5 EB. 6 — \$495-\$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris serta boleh membaca tulisan Cina.
- Kebolehan memandu kereta dan/atau Outboard atau motosikal serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu akan diberi keutamaan. Mempunyai lesen memandu Kelas V adalah merupakan satu kelebihan.

Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Pejabat Perkhidmatan Pos sekurang-kurangnya selama 3 tahun

akan juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas:

Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian dalam tugas-tugas penyelenggaraan surat-surat dan bungkusan-bungkusan, seperti isihan, penyerahan, punggutan dan lain-lain tugas yang setanding dengan jawatan Posmen, yang diarahkan oleh Ketua Bahagian sama ada secara memandu kenderaan atau sebaliknya.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 7 Januari, 1985.

(Bil iklan: 245/1984)

(E/322/62).

Timbalan Pendaftar Taraf Kebangsaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TIMBALAN PENDAFTAR TARAF KEBANGSAAN di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji: B.2 — \$2270-\$3760 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Hendaklah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau yang sebanding dengannya di dalam lapangan pentadbiran/pengurusan dari sesebuah institusi yang diakui oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan telah berkhidmat di dalam perkhidmatan Kerajaan Baginda selama tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- Pemegang ijazah dari sebuah universiti dan institusi pengkajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.
- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang pentadbiran Pejabat dan Pengawasan kakitangan serta mempunyai pengetahuan mengenai dengan lain-lain undang-undang yang ada kaitannya dengan pendaftaran taraf kebangsaan selain daripada Undang-undang Taraf Kebangsaan Brunei, 1961 sendiri.

- Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Sebahagian Syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya mestilah sanggup untuk berkhidmat di mana-mana daerah di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Januari, 1984.

Bilangan iklan: 248/84.

(E/1042/79)

Sebagai Penolong Pegawai Waris

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENOLONG PEGAWAI WARIS di Jabatan Kehakiman, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan HND atau kelulusan yang sebanding dengannya di dalam bidang pengajian yang bersesuaian. Calon-calon yang mempunyai latihan pengajian undang-undang akan diberikan keutamaan.

ATAU

- Calon-calon yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau SPM/Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan mata pelajaran Peringkat 'A' dalam Bahasa Inggeris dan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja di Pejabat Kehakiman/Undang-Undang juga akan dipertimbangkan.

ATAU

- Calon-calon dalam bahagian III yang tidak mempunyai kelayakan di (a), (b) dan (c) tetapi mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman

berkhidmat di Jabatan-Jabatan Kehakiman/Undang-Undang dan mahir dalam Bahasa Inggeris dan perkara-perkara waris juga akan dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

1. PENYELIA LANDASAN LAPANGAN TERBANG:

Sukatan Gaji: C. 1-2 EB. 3 \$1280-\$2,270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Calon-calon mestilah berumur di antara 25 hingga 40 tahun.

- Lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Peperiksaan S.A.P. Peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya.

- Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai Pegawai Tingkat Khas di mana-mana Jabatan Kerajaan.

- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman mengawal dan menyelia pekerja-pekerja termasuk juruteknik dan mekanik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Calon-calon yang terpilih akan bertugas di Bahagian landasan Jabatan Penerbangan Awam dan bertanggungjawab bagi pengurusan kakitangan Bahagian Pemeliharaan Landasan dan perkara-perkara yang bersangkut-paut dengannya.

an dan perkara-perkara yang bersangkut-paut dengannya.

- Bersedia untuk menjalankan tugas bagi memenuhi keperluan operasi penerbangan.

- Sebagai tambahan, Penyelesaian Landasan juga bertanggungjawab bagi pemeliharaan bangunan-bangunan di dalam dan di sekitar kawasan Lapangan Terbang seperti RBA Hanger, Flight Kitchen dan bangunan-bangunan Navads.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I:

Tanggagaji: D. 4 EB. 5 — \$1,225-\$1,625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.

- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 4 tahun dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor.

- Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang-barang stor, alat-alat kelengkapan dan alat-alat ganti yang berbagai bentuk adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II:

Kelayakan dan Pengalaman: Tanggagaji: D. 2 EB. 3-4 \$650-\$1,465 sebulan.

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

- Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Januari, 1985.

(Bil iklan: 216/1984)

(E/1063/83).

Skim Anugerah Pemborong Bumiputera Terbaik bagi Tahun 1984

Dimaklumkan kepada Pemborong-pemborong Bumiputera yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya di Kelas A, AX, B dan C bahawa pencalonan bagi skim di atas mula diterima oleh Penasihat Perniagaan Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat Skim

- Pemborong-pemborong yang akan mengikut skim ini mestilah berdaftar di Jabatan Kerja Raya.
- Pemborong-pemborong mestilah terdiri daripada

rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

- Kerja-kerja yang dicalonkan mestilah dikerjakan di tahun 1984 atau di siapakan sebelum pertengahan tahun 1985.

Borang-borang pencalonan bolehlah didapati dari Unit Penasihat Perniagaan, Jabatan Kerja Raya dan mestilah dikembalikan sebelum 15 Januari, 1985.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: 417 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PWD No. 1433 SEKOLAH MELAYU MULAUT, JALAN LIMA MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 418 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU KASAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 419 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA MASJID SENGKURONG, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 420 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD401/0703

REBAN PEMELIHARAAN DAN PEMBINAAN, DI STESAN PERTANIAN MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 27 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 421 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/195

MENINGGIKAN DAN MERENDAHKAN LUBANG-LUBANG LALUAN KE SALURAN NAJIS (SEWER MANHOLES) YANG SEDIA ADA DI DAERAH BRUNEI-MUARA DAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 422 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD423/0401

MEMBAIKI SEMULA KEROSAKAN KEBAKARAN DI MESS PEGAWAI, PERKHEMAHAN TUTONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 31 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 423 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU LIMA MANIS, JALAN LIMA MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 24 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 424 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU LAYONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 24 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: 425 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/002

MEMASANG PAIP AIR 8" A.C. SEPANJANG JALAN TUTONG DARI KILANAS HINGGA SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 24 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 426 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD406/0601

MEMBEKAL DAN MEMASANG KERJA-KERJA PARIT (SOIL DRAINAGE) BAGI SEKOLAH MENENGAH DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Bersatu, Tingkat Tiga, 148, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 31 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 427 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD416/040101

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN SKIM SALURAN NAJIS PEKAN MUARA, PERINGKAT 1, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Pte Ltd, No. F11, Kompleks Seri Temasek, Kompleks Membeli-belah Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Januari, 1985.

Tarikh tutup: 7 Januari, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Disember, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

BIL: 75/1984

PEMBEKALAN BROOM, BASS AND BRUSH.

BIL: 76/1984

PEMBEKALAN MANHOLE FRAME AND COVER TO BS 497.

BIL: 77/1984

PEMBEKALAN COTTON DRILL AND KHAKI COTTON.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL: 428 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD409/0701

LAMPU-LAMPU TIANG TINGGI DAN KAWALAN BAGI CADANGAN PEMBESARAN PELABUHAN MUARA, DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Pte Ltd, No. F11, Kompleks Seri Temasek, Kompleks Membeli-belah Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 31 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 429 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD426/3401

PEMBINAAN 11 BLOK 2 UNIT PERUMAHAN KELAS 'G' DI PERKHEMAHAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 24 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 430 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" (Pemborong Kejuruteraan Awam) untuk:

PROJEK No.: AW/417/0501

BEKALAN AIR DAERAH TEMBURONG — PEMBESARAN KONTRAK No.: 60 PERINGKAT KEDUA — PEMBESARAN KERJA-KERJA PEMELIHARAAN, STESAN PENGEMAM DAN PERKHIDMATAN PENYIMPANAN AIR — KERJA-KERJA AWAM, LOJI PEMELIHARAAN DAN LOJI PENGEMAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Watson Hawksley Asia, Bilik No. 11, Tingkat Satu, Bangunan Tang Ching Ying, Batu 2, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam petang hari Khamis 14 Februari, 1985.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1985.

Cagaran tawaran: \$5,000.00 + \$100.00 (lukisan).

Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik Pemberitahuan Tawaran

BIL: PPL/172/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Disember, 1984 bagi kerja-kerja berikut:—

CADANGAN BAGI KERJA-KERJA MENDIRIKAN TIANG-TIANG LAMPU JALAN RAYA 35 KAKI BERSAMA DENGAN 'ARM DOUBLE BRACKETS' DAN MENANAM KABEL LAMPU JALAN RAYA DARIPADA ROUNDABOUT HINGGA KE JERUDONG ISTANA PROJEK.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Isnin 24 Disember, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Cagaran tawaran \$300.00.

BIL: PPL/178/1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pembangunan yang berdaftar Kelas 'A' dan 'AX' sahaja yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang

beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 31 Disember, 1984 bagi kerja-kerja berikut:—

ERECTION OF TUBULAR STEEL POLES ON CONCRETE RE-INFORCED PILES AT KAMPONG SETIA 'B' ON THE BRUNEI RIVER.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Isnin 24 Disember, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah \$300.00.

BIL: PPL/180/1984

Tajuk Kerja: PEMELIHARAAN HAWA DINGIN DI LAPANGAN TERBANG ANTARA-BANGSA BRUNEI.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI JURU TULIS JAWI DI PEJABAT HAL UGAMA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, beragama Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal Jemaah untuk dilantik sebagai JURU TULIS JAWI di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : C. 1-2 EB. 3 —\$1280-\$2270 sebulan

Kelayakan dan Pengalaman : a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.

b) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :—

- Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
- Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama;
- Hendaklah mempunyai kepandaian dan penga-

laman yang luas dalam hal tulisan jawi yang cantik.

a) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (ii) di atas tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan seperti salah satu daripada yang dinyatakan di bawah bolehlah dipertimbangkan.

i) 7 tahun perkhidmatan, 3 tahun daripadanya dalam jawatan yang ada hubungannya dengan menggunakan kepandaian dalam tulisan jawi yang cantik;

ii) Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai kepandaian dan pengalaman dalam hal tulisan jawi yang cantik.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 10 Januari, 1985.

(Bil iklan : 222/84)

(E/68/74).

Sebagai Tukang Pelan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG PELAN di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 —\$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman : a) Mestilah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya; dan

b) Mempunyai Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau Ordinary National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya; dan

c) Mempunyai 4 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membuat pelan di Pejabat Chartered Akitek atau Jurutera yang diakui; dan

d) Mestilah terdiri dari seorang Tukang Pelan yang kemas, teliti dan pantas

serta boleh menyediakan pelan yang lengkap bagi bangunan-bangunan atau kerja-kerja kejuruteraan dari lukisan-lukisan dimensi (dimensional) sketches.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 7 Januari, 1985.

(Bilangan iklan : 243/1984) (E/184/76).

INSPEKTOR-INSPEKTOR PERCUBAAN POLIS DIRAJA BRUNEI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada pemuda-pemuda yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk memenuhi beberapa jawatan kosong sebagai Inspektor dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kelayakan-kelayakan

- Berumur di antara 19 dan 26 tahun.
- Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Am Brunei Cambridge Certificate of Education peringkat 'O'.
- Tinggi sekurang-kurangnya 5' 4".
- Sukatan dada yang tidak dikembangkan sekurang-kurangnya 34 inci.
- Mempunyai badan yang sihat.

Calon-calon yang diterima akan menjalani latihan asas Pegawai Kadet selama lapan bulan. Setelah lulus menjalani latihan Pegawai Kadet, mereka akan memegang Pangkat Inspektor dalam percubaan dan mereka akan ditempatkan di bahagian-bahagian Cawangan Polis bagi mendapatkan pengalaman dalam kerjaya polis. Mereka akan juga dihantar untuk menghadiri kursus-kursus di seberang laut setelah menamatkan satu tempoh percubaan.

Gaji

Tanggagaji Pegawai Kadet (Inspektor Percubaan): \$1025.00 hingga \$1615.00 + (\$186.00 elaun catuan semasa dalam latihan).

Inspektor

\$1795.00 hingga \$2360.00 + \$100.00 P. elaun.

Inspektor Kanan

\$2135.00 hingga \$3080.00 + \$100.00 P. elaun.

Ketua Inspektor

\$2800.00 hingga \$3240.00 + \$100.00 P. elaun.

Pemuda-pemuda yang berminat dalam jawatan ini adalah dipersilakan hadir ke Stadium Hassanah Bolikah, Gadong pada hari Jumaat 4 Januari dan hari Ahad 6 Januari, 1985 untuk mendapat borang-borang permohonan dan seterusnya akan ditemuduga oleh Pegawai-pegawai Pengambilan pada masa-masa yang berikut :

0800 — 1200 jam
1400 — 1600 jam.

Pemohon-pemohon hendaklah membawa Kad Pengenalan dan Sijil-sijil Persekolahan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: KB 67 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk :

PROJEK : CADANGAN TAMBAHAN DAN MEMPERBAIKI KEROSAKAN TANDAS-TANDAS AWAM KUALA BELAIT DAN SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1984.

Cagaran tawaran : \$100.00.

Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU TINGKAT KHAS :

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 —\$590-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman : a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 8 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

e) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai lesen memandu Kelas II (sebelas).

Am : Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia

untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

2. PEMANDU TINGKAT II :

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5 —\$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman : a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas II (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am : Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan

Tarikh tutup : 10 Januari, 1985. (Bilangan iklan : 250/1984) (E/77/78).

Sebagai Penjaga Keselamatan Gudang

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENJAGA KESELAMATAN GUDANG di Jabatan Pelabuhan, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5 —\$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman : a) Pemohon-pemohon mestilah berumur lebih dari 25 tahun atau mempunyai perwatakan dewasa, penglihatan dan pendengaran yang baik adalah diutamakan.

b) Pemohon-pemohon mestilah dalam Darjah Enam Sekolah Melayu dan ber-

pengetahuan dalam Bahasa Inggeris.

c) Pengalaman yang lalu sebagai Penjaga atau Penjaga Keselamatan atau seseorang yang mempunyai latarbelakang dalam kerja keselamatan dengan pihak Polis atau Tentera adalah diutamakan.

Tugas-tugas :

a) Tugas-tugas sebagai Penjaga adalah termasuk 24 jam sehari bergilir-gilir, dan;

b) Memeriksa orang ramai, kenderaan-kenderaan dan barang-barang yang masuk/keluar dari kawasan gudang.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan

Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Januari, 1985.

(Bilangan iklan : 260/1984) (E/8/78).

BERNEGARA DGN. FAHAM KEDUNIAAN SAHAJA TIDAK MENJAMIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bernegara dengan sendi dan asas fahaman keduniaan semata-mata seperti menurut fahaman kebangsaan atau nasionalisme belum menjamin keteguhan sesebuah negara dalam jangka panjangnya. Sebab orang-orang yang berpegang kepada fahaman nasionalisme semata-mata adalah mudah dicorakkan oleh pengaruh-pengaruh ideologi politik yang lebih bertenaga yang disokong oleh kekuatan tentera dan ekonomi.

Demikian antara lain telah ditekankan oleh YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin, Pengarah Penerangan ketika menyampaikan Syarahan Khas dalam perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di sini hari Khamis lepas. Kerana itulah menurutnya, ada orang nasionalis berubah menjadi sosialis, negaranya bukan saja berubah corak dan bentuk kepada setakat negara republik bahkan ada yang menjadi republik di bawah anjakan Komunis atau di bawah pengaruh Komunis.

YDM Pehin Udana Khatib menegaskan kedudukan sedemikian tetap dengan amaran Allah Subhanahu Wataala di dalam Al Koran, bahawa jika orang Islam enggan mempertahankan ugamanya dan tanahairnya dari musuh-musuh yang menggugat Islam dan mengancam orang-orang Islam serta tanahair mereka

maka mereka akhirnya akan digantikan oleh kaum lain iaitu tanahair mereka akan ditakluk, bangsa mereka akan dikuasai oleh penakluk-penakluk dan mereka tidak berpaya lagi menentang penakluk-penakluk itu dengan berkesan, yang akhirnya menjadikan tanahair mereka akan bertukar tangan.

Sebab itulah, menurut YDM Pehin lagi, memelihara agama dalam maknanya yang luas adalah berkehendakkan kuasa memerintah, kuasa politik yang dipergunakan dengan bijak dan betul pada menentukan muslihat-muslihat yang sebenar bagi orang-orang Islam di dalam negaranya yang juga memberi perlindungan kepada orang-orang yang bukan Islam.

Katanya, kuasa politik yang sedemikian ada pada kita umat Islam di negara ini. "Dan alhamdulillah setakat ini sudah dan sedang berbuat sedemikian bagi memelihara dan menyempurnakan tujuan beragama seperti yang dikehendaki oleh Allah," kata YDM Pehin lagi.

Tujuan beragama secara yang luas itu adalah meliputi kepentingan-kepentingan melindungi keselamatan jiwa raga, memelihara kemurniaan nasab keturunan, mengawal kewarasan akal, menjaga harta benda dan maruah nama.

ANCAMAN SEMAKIN MELUAS

Awal sebelum itu, YDM Pehin Udana Khatib telah membentangkan bahawa ancaman terhadap Islam dan umat Islam semakin meluas pada zaman ini.

"Kalaulah tidak kerana

gerakan musuh Islam dan umat Islam yang tersusun masakan sebahagian besar orang-orang Islam, masyarakat-masyarakat Islam, bangsa-bangsa Islam dan seterusnya umat Islam bukan saja dapat ditakluk tanahair mereka bahkan dapat dikuasai pemikiran dan pendirian mereka. Hatta selepas negeri-negeri Islam itu bebas merdeka, tetapi bangsa-bangsa Islam yang merdeka itu merdeka dengan menyambung dan meneruskan cara bangsa-bangsa yang menjajah mereka dalam berbagai perkara termasuk dalam politik pemerintahan," YDM Pehin menyimpulkan.

Bagaimana pun, menurutnya mujurlah dalam kalangan cerdik pandai Islam khasnya dari kalangan ulama di merata negeri-negeri Islam dan bahkan di Eropah dan Amerika ada lagi bangkit dari semasa kesemua mendedahkan bahaya ancaman itu dan menyerukan umat Islam menyedarinya. Penyelidikan dan rumusan pendapat mereka banyak disebarkan dan menginsafkan kalangan-kalangan yang berkenaan umat Islam.

Menyentuh mengenai pengisytiharan kemerdekaan negara ini yang menyebabkan Brunei Darussalam sebagai Negara Melayu Islam Beraja bersendikan ajaran-ajaran Islam, YDM Pehin Udana Khatib memberitahu bahawa kita sebenarnya berniat murni dan berazam teguh dalam memilih Islam menjadi sendi negara. Katanya, kita bukan saja menegaskan hakikat sebenarnya kenegaraan kita turun-temurun bahkan serentak dengan itu mengisbatkan pegangan serta kepercayaan kita untuk bernegara dan berkerajaan secara yang di redai Allah, untuk mendapat berkat dan rahmat-Nya bagi sekalian isi dalam negeri ini.

"Sambil menyedari diri kita dan mengenal pasti keperluan-keperluan kita serta kadar kepercayaan kita untuk beragama dan berkerajaan menurut sendinya Islam itu, kita menampakan masih ada bidang yang dapat diteroka dan banyak ruang yang perlu dimasuki," YDM Pehin menerangkan.

"Semuanya itu perlu kita beban dengan niat mem-bisaikan lagi kehidupan kita dan menyempurnakannya lagi sedapat daya menepati kehendak ajaran Allah, bersama dan berpandu di bawah pemimpin yang lurus lagi salih Sultan dan Yang Dipertuan kita," tegasnya.

Pendaftaran kelas trengkas dan menaip

TUTONG. — Pendaftaran untuk mengikuti kelas-kelas trengkas dan menaip bagi pengajian tahun 1985 di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong kini sedang dibuka dari sekarang sehingga 31 Disember depan.

Borang-borang pendaftaran bagi mengikuti kelas-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengemulangi perarakan mengelilingi ibu negara. Turut juga berangkat dalam perarakan itu ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkih dan lain-lain kerabat Diraja.

Pelajaran Ugama akan ditingkatkan

Dari muka 1

sebaik-baiknya dan mereka dilatih secara praktikal pada menjalankan suruhan-suruhan ugama," titah Baginda.

PELAJARAN UGAMA

Menurut Baginda lagi, setelah lebih 30 tahun, kesan-kesan sekolah-sekolah ugama dan pelajaran-pelajaran ugama yang tersusun telah dapat dilihat sekarang dengan jayanya di mana pada umumnya kesedaran beragama, kesedaran mempertingkatkan kekuatan ugama.

"Insya-Allah kita akan menambah usaha-usaha pada menggalakkan perkembangan ugama Islam dan memperkuat kedudukan negara ini dalam semua keadaan yang benar-benar menuju ke arah nama baik negara kita Brunei Darussalam dan keadaan yang baik ini perlu diberi sokongan dan dipertahankan kerana pelajaran ugama adalah jenis pendidikan pada menjalankan tugas kerana Allah," titah Baginda.

Baginda seterusnya percaya adanya sekolah-sekolah ugama di negara ini yang bertujuan mengembangkan pelajaran ugama akan menimbulkan keinsafan mendalam dan keinginan kuat untuk tetap menjalankan suruhan-suruhan Allah Subhanahu Wataala.

Konsep Islam boleh menjadi pasak dalam pergerakan belia

BERAKAS. — Konsep 'Negara Melayu Islam Beraja' perlu dipertahankan, diamalkan dan diyakini kekuatannya.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan berkata, sifat bangsa Melayu yang sentiasa taat kepada Allah, setia kepada Raja dan menyintai pembangunan dan perkembangan yang seimbang adalah dasar yang boleh diterima oleh semua pihak termasuk puak-puak lain.

Menurutnya, konsep itu bagi pergerakan belia adalah jaminan paling kuat kerana kepercayaan terhadap Tuhan akan menjadi ikatan disiplin paling kukuh, kesetiaan kepada Raja akan mengenal pasti belia-belie adalah kumpulan manusia dinamik yang sentiasa yakin terdapat pimpinan Raja yang sentiasa menginginkan kehidupan yang terus-menerus menuju kemajuan dan konsep beraja pula akan menjadi pegangan paling sempurna bagi belia-belie dalam pengertian terus bersatu padu mengusahakan perkara berkebaikan.

Berucap merasmikan Seminar sehari Belia-Belia Beruniform di Stadium Negara Hassanah Bolkih pada hari Ahad lalu, Yang Dimuliakan Pehin seterusnya menegaskan, "Konsep Islam boleh menjadi pasak dalam pergerakan belia meskipun pergerakan itu mengandungi pelbagai puak yang bermacam adat resam, asal usul,

loghat dan kepercayaan kerana antara lain Islam ialah ugama yang mendorong belia sentiasa mengelakkan perkara kejahatan dan berlumba mengusahakan perkara kebaikan."

Ajaran serupa itu menurutnya, jika diamalkan tentu dapat melahirkan belia-belie bertanggungjawab dan boleh diharapkan sebagai agen bertanggungjawab.

"Melalui tafsiran-tafsiran ringkas itu adalah jelas konsep dinyatakan tadi bagi pergerakan belia tidak akan menjadi suatu kemunduran bahkan dapat menolong perpaduan mereka, kecergasan dan juga dedikasi dalam menjalankan lain-lain pergerakan berfaedah," tegasnya.

Seminar sehari itu dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertujuan memupuk semangat 'Melayu Islam Beraja' kepada warganegara Brunei Darussalam selain memberi peluang kepada para peserta mengeluarkan pendapat, pandangan untuk meningkatkan taraf pergerakan kepimpinan belia khususnya belia-belie berpakaian seragam.

Selain itu seminar tersebut juga dihasratkan memberi peluang para peserta mengetahui lebih jelas peranan dan tanggungjawab pergerakan belia-belie berpakaian seragam di segi pembentukan pelajaran dan pembangunan negara dan masyarakat.

Hantar maklumat dengan segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para majikan yang belum menghantar maklumat pekerja-pekerja mereka diingatkan menghantarnya

Angka tunjuk

Dari muka 4

Barang-barang atau perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk bulan ini ialah ikan tenggiri, ikan merah, barah-barahan, bilis dan udang besar. Bayaran sewa yang lebih tinggi pula telah menyebabkan angka tunjuk kumpulan kecil 'Perumahan' naik sebanyak 31.3 peratus. Sementara harga sayur-sayuran tidaklah sama kedudukannya, harga-harga kacang panjang dan kacang bendir telah naik sedikit tetapi harga terung pula telah turun dan ini menjadikan angka tunjuk kumpulan kecil 'Sayur-sayuran dan Hasil Sayur-sayuran' turun sebanyak 0.9 pertus. Selain ini, harga udang kecil telah turun dalam bulan ini.

seberapa segera ke Pejabat Buruh, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 31 Disember ini.

Pesuruhjaya Buruh dalam kenyataannya, memberitahu masih ada majikan yang belum berbuat demikian.

Menurutnya, majikan-majikan yang tidak lagi bergiat hendaklah memaklumkan keadaan itu kepadanya sebelum tarikh yang sama.

"Tindakan undang-undang di bawah Bab 8 Akta Maklumat Pekerjaan 1973 di mana majikan-majikan boleh didenda hingga seribu ringgit atau tiga bulan penjara atau kedua-duanya sekali jika majikan-majikan enggan atau lalai mematuhi arahan dalam kenyataan ini," tegasnya.

Pesuruhjaya Buruh sebelum ini telah pun mengumumkan perkara itu pada 24 Oktober lalu di Pelita Brunei dan meminta mereka menghantar maklumat itu selewat-lewatnya 27 November lalu. Tetapi masih ada majikan belum menghantar maklumat berkenaan.